

# **Wajib Pelihara Kesucian Nama**

# **ALLAH**



Cetakan Pertama 2013  
© Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Majlis Agama Islam Selangor.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Majlis Agama Islam Selangor.

Wajib pelihara kesucian nama Allah/Majlis Agama Islam Selangor.

ISBN 978-983-44223-9-4

1. God (Islam)--Name. 2. God (Islam) --Attributes.

I. Judul.

297.2112

Penerbitan:

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)

Tingkat 9, Menara Utara

Bangunan Sultan Idris Shah

Seksyen 5

40000 Shah Alam

Selangor Darul Ehsan

Tel: 603-5514 3752

Faks: 603-5512 4042

E-Mel: pro@mais.gov.my

Laman web: mais.gov.my

Dicetak oleh:

Percetakan IWC Sdn Bhd

Tel: 603-9172 5803

Faks: 603-9172 1290

# *Kandungan*

KATA ALUAN	v
PENGENALAN	vii
BAB 1 : DALIL AYAT AL-QUR'AN BERKAITAN NAMA ALLAH	1
BAB 2 : DALIL HADIS BERKAITAN NAMA ALLAH	11
BAB 3 : PENGGUNAAN NAMA ALLAH BAGI ORANG BUKAN ISLAM MENURUT ASPEK PERUNDANGAN	19
BAB 4 : ISU-ISU DAN POLEMIK	43
BAB 5 : PANDANGAN SEBENAR KRISTIAN TERHADAP NAMA ALLAH	63
BAB 6 : KESAN JIKA NAMA ALLAH DIBENAR UNTUK DIGUNAKAN OLEH ORANG BUKAN ISLAM	71
BAB 7 : APA PEGANGAN YANG SEPATUTNYA DIAMBIL OLEH UMAT ISLAM?	87



## Kata Aluan

**A**lhamdulillah, segala puji bagi Allah, Maha Suci Tuhan sekelian alam. Selawat dan salam ke atas Rasulullah SAW pembawa hidayah dan rahmat bagi seluruh alam.

Syukur ke hadrat Allah kerana dengan izinNya MAIS dapat menerbitkan buku Wajib Pelihara Kesucian Nama Allah untuk rujukan dan panduan umat Islam khususnya di negeri Selangor. Penerbitan buku ini merupakan satu tanggungjawab MAIS untuk memperkasa dan menjaga agama Islam di bumi Selangor. MAIS berpendapat masyarakat Islam khususnya di negeri Selangor perlu mendapat panduan dan maklumat yang betul dalam isu penyalahgunaan nama Allah. Usaha pelbagai pihak yang membangkitkan penggunaan nama Allah dalam ajaran agama lain selain Islam adalah satu usaha dan gerakan tersusun untuk mencemarkan dan melemahkan Islam.

Kupasan isu-isu berkaitan dengan penggunaan nama Allah yang terkandung di dalam buku ini diperkuuhkan dengan nas-nas serta dalil yang lengkap dan turut disertakan huraian segi aspek perundangan negara dan negeri Selangor. Ia turut merangkumi jawapan pada isu-isu dan polemik semasa yang menjadi persoalan dalam pemikiran masyarakat. Di samping itu, buku ini juga membantu umat Islam untuk memahami pandangan sebenar agama Kristian terhadap penggunaan nama Allah dan menangkis dakyah tuntutan gerakan tertentu untuk menggunakan kalimah Allah dalam

terjemahan agama mereka. Malah apa yang paling penting, buku ini mengajak umat Islam untuk berfikir dan merenung dengan hati yang jernih dan tulus tentang kesan isu penyalahgunaan nama Allah terhadap agama, bangsa dan negara. Justeru, umat Islam perlu bersatu hati mengambil pegangan yang utuh, menjelaskan fikrah dan membulatkan iltizam untuk menghadapi cabaran ini.

Tahniah dan terima kasih diucapkan kepada jawatankuasa penulisan buku ini yang menghasilkan satu bahan bacaan dan rujukan yang memenuhi keperluan dan maslahah umat Islam. Penting untuk disebutkan juga di sini setinggi-tinggi penghargaan kepada para pakar rujuk iaitu Sahibus Samahah Dato' Setia Haji Mohd Tamyes Abd. Wahid (Dato' Seri Utama Diraja Mufti Selangor), Y.Bhg. Prof. Madya Dr. Khalif Muammar, Y.Bhg. Tuan Haji Mahamad Naser Disa dan Y.Bhg. Ustaz Tajudin Othman Abdullah yang telah memberikan sepenuh komitmen untuk menambah baik dan berkongsi pandangan bagi menjayakan penulisan ini. Semoga Allah memberikan ganjaran terbaik atas usaha yang telah dicurahkan.

Saya menganjurkan agar buku ini dijadikan panduan penting dan rujukan umat Islam di negeri Selangor dalam menghadapi isu berkaitan nama Allah. Pembinaan ilmu dan fikrah penting untuk memperkasa keutuhan umat. Sama-sama lah kita mendukung usaha memelihara kesucian nama Allah Yang Maha Suci lagi Mulia.

Sekian, wassalam.

Y.A.D. Dato' Setia Haji Mohamad Adzib bin Mohd Isa  
Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor

## Pengenalan

Buku *Wajib Pelihara Kesucian Nama Allah* ini diterbitkan untuk rujukan dan kefahaman umat Islam berkaitan penggunaan nama Allah. Umat Islam perlu jelas dan faham tentang isu ini agar tidak terkeliru dengan fahaman, isu atau polemik semasa.

Isu hukum penyalahgunaan nama Allah oleh bukan Islam tidak boleh dimasukkan di bawah hukum *taklifi* kerana mereka tidak dikira sebagai *mukallaf*. Isu ini juga bukan hanya berada dalam skop *siasah syar'iyyah* yang boleh diputuskan di bawah pertimbangan pemerintah dan pihak yang bertanggungjawab tetapi juga menjangkaui soal *iqamah addin* untuk memperteguhkan agama Islam. Berdasarkan realiti dan situasi semasa, pihak berkuasa telah menghasilkan fatwa dan keputusan yang menetapkan LARANGAN penggunaan nama Allah oleh orang bukan Islam. Isu ini jika tidak difahami dengan mendalam, boleh menimbulkan kekeliruan dalam pemahaman masyarakat khususnya umat Islam sebagai umat majoriti di Malaysia sekaligus menjelaskan kedudukan agama Islam sebagai Agama Negara dan Agama Negeri serta menggugat keamanan dan toleransi antara kaum.

Nama Allah adalah nama khas yang merujuk kepada Allah Yang Maha Esa tuhan sekalian alam yang disembah oleh umat Islam. Ia adalah lafadz al-Qur'an dan tidak boleh diterjemahkan ke dalam apa-apa bahasa. Pemahaman terhadap nama Allah mestilah seperti yang

ditegaskan dalam akidah Islam, sesuai dengan landasan iman dan bebas daripada salah tafsir atau unsur syirik yang menyekutukan Allah. Konsep keesaan Allah adalah merujuk pada segenap zat, sifat, nama-nama dan perbuatan-perbuatan Allah yang merupakan Zat Maha Agung yang tidak ada yang berkongsi nama tersebut denganNya. Tindakan menjaga dan mempertahankan agama (*hifzuddin*) perlu diambil oleh pihak berkuasa untuk menjaga kesucian nama Allah daripada dicemari oleh salah guna dan pentakrifan terpesong oleh pengikut agama lain.

Namun begitu, penulisan buku ini dan ketetapan larangan penyalahgunaan nama Allah oleh orang bukan Islam bukan satu usaha memecahbelahkan perpaduan kaum dan toleransi antara agama di Malaysia. Ia adalah sebagai penegasan terhadap martabat kedaulatan agama Islam dan peneguhan kepada umat Islam terhadap penjagaan kesucian akidah Islam daripada dicerobohi oleh unsur syirik dan salah penggunaan. Buku ini juga harus menjadi pemangkin kepada umat Islam untuk mengambil pelbagai inisiatif positif untuk mendekati orang bukan Islam dan memberikan kefahaman sebenar kepada mereka tentang kesucian akidah Islam dan keindahan Islam. Usaha dakwah perlu dipergiat bagi mengajak orang bukan Islam untuk mengenali Allah dan memahami Islam secara holistik sekaligus tertarik dengan kesempurnaan Islam.

## Bab 1

### Dalil Ayat Al-Qur'an Berkaitan Nama Allah

**B**ab ini memaparkan dalil-dalil ayat al-Qur'an berserta ulasan ringkas mengenai kesucian penggunaan nama Allah dalam maksud yang diimani oleh umat Islam. Penggunaan nama Allah yang dikaitkan dan disertakan dengan unsur syirik atau pemesongan kefahaman daripada maksud sebenar mestilah dielakkan. Justeru, perlu difahami bahawa menyebut nama Allah mestilah wajib secara haq membawa maksud yang sebenar serta bebas daripada maksud lain yang dusta, syirik dan terpesong. Pendirian ini demi menjaga kesucian nama Allah dan mengelakkan daripada penyalahgunaan dan penyimpangan oleh pihak yang mengambil kesempatan.

#### 1. Firman Allah yang bermaksud:

*"Katakanlah (wahai Muhammad): '(Tuhanmu) ialah Allah Yang Maha Esa; Allah Yang menjadi tumpuan sekalian makhluk untuk memohon sebarang hajat; Ia tiada beranak, dan Ia pula tidak diperanakkan; Dan tidak ada sesiapapun yang setara denganNya.'."*

(Surah Al-Ikhlas; 112: 1-4)

**Ulasan :** Penegasan Allah tentang *wahdaniyyah* dan keesaanNya yang menjadi asas pegangan akidah umat Islam dan penegasan bahawa apa sahaja yang ada di dunia ini tidak serupa dengan Allah dan tentunya bukan Allah.

2. Firman Allah yang bermaksud:

*“Allah, tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, Yang Tetap Hidup, Yang Kekal selama-lamanya mentadbirkan (sekalian makhlukNya). Yang tidak mengantuk usahkan tidur. Yang memiliki segala yang ada di langit dan yang ada di bumi. Tiada sesiapa yang dapat memberi syafaat (pertolongan) di sisiNya melainkan dengan izinNya. Yang mengetahui apa yang ada di hadapan mereka dan apa yang ada di belakang mereka, sedang mereka tidak mengetahui sesuatu pun daripada (kandungan) ilmu Allah melainkan apa yang Allah kehendaki (memberitahu kepadanya). Luasnya Kursi Allah (ilmuNya dan kekuasaanNya) meliputi langit dan bumi; dan tiadalah menjadi keberatan kepada Allah menjaga serta memelihara keduanya. Dan Dialah Yang Maha Tinggi (darjat kemuliaanNya), lagi Maha Besar (kekuasaanNya).”*

(Surah Al-Baqarah; 2: 255)

**Ulasan :** Penegasan Allah tentang keesaanNya untuk disembah dan penegasan kekuasaanNya Yang Maha Tinggi lagi Maha Besar. Justeru, tiadalah layak bagi apa-apa makhluk untuk dinamakan atau dirujuk sebagai Allah kerana kekuasaan mereka tiada setanding dengan keagungan dan ketinggian Allah.

3. Firman Allah yang bermaksud:

*“Dan Allah mempunyai nama-nama yang baik (yang mulia), maka serulah (dan berdoalah) kepadaNya dengan menyebut nama-nama itu, dan pulaukanlah orang-orang yang berpaling daripada kebenaran dalam masa menggunakan nama-namaNya. Mereka akan mendapat balasan mengenai apa yang mereka telah kerjakan.”*

(Surah Al-A'raaf; 7: 180)

**Ulasan :** Penegasan Allah tentang nama-namaNya yang mulia dan suatu bentuk larangan penyalahgunaan nama Allah yang ditegaskan oleh Allah sendiri.

4. Firman Allah yang bermaksud:

*“Dialah yang menciptakan langit dan bumi; Ia menjadikan bagi kamu pasangan-pasangan daripada jenis kamu sendiri, dan menjadikan daripada jenis binatang-binatang ternak pasangan-pasangan (bagi bintang-binatang itu); dengan jalan yang demikian dikembangkannya (zuriat keturunan) kamu semua. Tiada sesuatupun yang sebanding dengan (ZatNya, sifat-sifatNya, dan pentadbiranNya) dan Dialah Yang Maha Mendengar, lagi Maha Melihat.”*

(Surah Asy-Syura; 42: 11)

**Ulasan :** Penegasan Allah tentang kemuliaan dan kekuasaanNya yang tidak boleh ditandingi oleh sesiapa pun.

5. Firman Allah yang bermaksud:

*“Wahai Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani)! Janganlah kamu melampaui batas dalam perkara agama kamu, dan janganlah kamu mengatakan sesuatu terhadap Allah melainkan yang benar; sesungguhnya Al Masih Isa ibni Maryam itu hanya seorang pesuruh Allah dan kalimah Allah yang telah disampaikanNya kepada Maryam, dan (ia juga tiupan) roh daripadaNya. Maka berimanlah kamu kepada Allah dan Rasul-rasulNya, dan janganlah kamu mengatakan: ‘(Tuhan itu) tiga’. Berhentilah (daripada mengatakan yang demikian), supaya menjadi kebaikan bagi kamu. Hanyakannya Allah ialah Tuhan Yang Maha Esa, Maha Suci Allah daripada mempunyai anak. Bagi Allah jualah segala yang ada di langit dan yang ada di bumi. Dan cukuplah Allah menjadi Pengawal (Yang Mentadbirkan sekalian makhlukNya).”*

(Surah An-Nisaa'; 4: 171)

**Ulasan :** (Segi pemahaman umum) Penegasan Allah tentang larangan mendustakanNya dan penegasan terhadap kesucianNya daripada fahaman yang terpesong dan menyesatkan. Maka amatlah menyesatkan sekiranya pendustaan Yahudi dan Nasrani itu diiktiraf dengan membenarkan mereka menggunakan nama suci Allah untuk mengabsahkan pendustaan mereka. Mereka bukan sahaja akan dibiarkan terus dalam kesesatan dan pendustaan malah mereka juga akan mempengaruhi orang-orang yang mentauhidkan Allah. Maha Suci Allah dari pendustaan mereka!

6. Firman Allah yang bermaksud:

*“Maka yang demikian (sifatNya dan kekuasaanNya) ialah Allah, Tuhan kamu yang sebenar-benarnya; sesudah nyatanya sesuatu yang betul dan benar, maka tidakkah yang lain daripada itu salah dan karut sahaja? Oleh itu, bagaimana kamu dapat dipesongkan daripada kebenaran?”*

(Surah Yunus; 10: 32)

**Ulasan :** Penegasan Allah tentang keesaanNya dan setiap sesuatu yang disamakan denganNya adalah karut dan batil. Maka yang karut dan yang batil itu bukanlah Allah dan tidak selayaknya mereka dibenarkan menyalahgunakan nama Allah Yang Maha Suci itu.

7. Firman Allah yang bermaksud:

*“Ingatlah! (Hak yang wajib dipersembahkan) kepada Allah ialah segala ibadat dan bawaan yang suci bersih (daripada segala rupa syirik). Dan orang-orang musyrik yang mengambil selain daripada Allah untuk menjadi pelindung dan penolong (sambil berkata): ‘Kami tidak menyembah atau memujanya melainkan supaya mereka mendampingkan kami kepada Allah sedamping-dampingnya,’ - sesungguhnya Allah akan menghukum di antara mereka (dengan orang-orang yang tidak melakukan syirik) tentang apa yang mereka berselisihan padanya. Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayah petunjuk kepada orang-orang yang tetap berdusta (mengatakan yang bukan-bukan), lagi sentiasa kufur (dengan melakukan syirik).”*

(Surah Az-Zumar; 39:3)

**Ulasan :** Penegasan Allah tentang larangan syirik kepadaNya walaupun kafir musyrik menggunakan berhala dengan tujuan untuk menghampirkan diri mereka kepada Allah.

8. Firman Allah yang bermaksud:

*“Dan sesungguhnya jika engkau (wahai Muhammad) bertanya kepada mereka (yang musyrik) itu: ‘Siapakah yang menciptakan langit dan bumi, dan yang memudahkan matahari dan bulan (untuk faedah makhluk-makhlukNya)?’ Sudah tentu mereka akan menjawab: ‘Allah’. Maka bagaimana mereka tergamac dipalingkan (oleh hawa nafsunya daripada mengakui keesaan Allah dan mematuhi perintahNya)?”*

(Surah Al-‘Ankabuut; 29:61)

**Ulasan :** Penegasan Allah tentang kepentingan mengakui keesaan Allah dalam masa mengakui kekuasaan penciptaan oleh Allah.

9. Firman Allah yang bermaksud:

*“Dan sesungguhnya jika engkau (wahai Muhammad) bertanya kepada mereka (yang musyrik) itu: ‘Siapakah yang menurunkan hujan dari langit, lalu Ia hidupkan dengannya tumbuh-tumbuhan di bumi sesudah matinya?’. Sudah tentu mereka akan menjawab: ‘Allah’. Ucapkanlah (wahai Muhammad): ‘Alhamdulillah’ (sebagai bersyukur disebabkan pengakuan mereka yang demikian),*

bahkan kebanyakan mereka tidak memahami (hakikat tauhid dan pengertian syirik). Dan (ingatlah bahawa) kehidupan dunia ini (meliputi segala kesenangan dan kemewahannya, jika dinilaikan dengan kehidupan akhirat) tidak lain hanyalah ibarat hiburan dan permainan; dan sesungguhnya negeri akhirat itu ialah kehidupan yang sebenar-benarnya; kalauolah mereka mengetahui (hakikat ini tentulah mereka tidak akan melupakan hari akhirat). Dalam pada itu, apabila mereka naik bahtera (lalu menemui sesuatu bahaya di laut), mereka memohon pertolongan kepada Allah dengan doa yang tulus ikhlas kepadaNya. Kemudian setelah Allah menyelamatkan mereka (naik) ke darat, mereka berlaku syirik kepadaNya. (Akibat syirik itu) menjadilah mereka orang-orang yang kufurkan nikmat yang Kami telah berikan kepadanya, dan (menjadi) orang-orang yang hanya dapat bersuka ria di dunia; kemudian mereka akan mengetahui kelak akibat buruk apa yang mereka lakukan.”

(Surah Al-‘Ankabuut; 29:63-66)

**Ulasan :** Penegasan Allah tentang kepentingan penyertaan iman dalam menyebut nama Allah serta menjauhi perbuatan syirik dan mempersendakan pengiktirafan kepada Allah.

#### 10. Firman Allah yang bermaksud:

“Dan mereka (orang-orang musyrik) memperuntukkan dari hasil tanaman dan binatang-binatang ternak yang diciptakan oleh Allah itu, sebahagian bagi Allah (dan sebahagian lagi untuk berhala-berhala mereka), lalu mereka berkata: ‘Ini untuk Allah’ - menurut anggapan mereka – ‘dan ini untuk berhala-berhala kami’. Kemudian apa yang telah ditentukan untuk berhala-

*berhalal mereka, maka ia tidak sampai kepada Allah (kerana mereka tidak membelanjakannya pada jalan Allah), dan apa yang telah ditentukan untuk Allah, sampai pula kepada berhalal mereka (kerana mereka membelanjakannya pada jalan itu). Amatlah jahatnya apa yang mereka hukumkan itu.”*

(Surah Al-An`aam; 6:136)

**Ulasan :** Penegasan Allah tentang perlakuan jahat golongan musyrik dan niat mereka yang jelas terpesong dan tidak diterima oleh Allah walaupun mereka menyebut nama Allah.

#### 11. Firman Allah yang bermaksud:

*“Dan mereka menyembah yang lain daripada Allah, sesuatu yang tidak dapat mendatangkan mudarat kepada mereka dan tidak dapat mendatangkan manfaat kepada mereka dan mereka pula berkata: ‘Mereka (yang kami sembah itu) ialah pemberi-pemberi syafaat kepada kami di sisi Allah’. Katakanlah (wahai Muhammad): ‘Adakah kamu hendak memberitahu kepada Allah akan apa yang Ia tidak mengetahui adanya di langit dan di bumi (padahal Allah mengetahui segala-galanya)?’. Maha Suci Allah dan tertinggi keadaanNya dari apa yang mereka sekutukan.”*

(Surah Yunus; 10:18)

**Ulasan :** Penegasan Allah tentang kesucianNya daripada segala fahaman yang menyekutukannya dan perbuatan syirik.

**KESIMPULAN KESELURUHAN**

Allah adalah Tuhan Yang Maha Esa yang tiada sekutu bagiNya.

Allah melarang perbuatan syirik kepadaNya walaupun syirik itu dijadikan alasan untuk mendekatkan diri kepadaNya.

Allah memerintahkan agar berpaling daripada orang-orang yang menyalahgunakan nama Allah dan mensyirikkanNya tanpa kompromi.

Kepentingan kesedaran dalam diri umat Islam untuk mempertahankan kesucian nama Allah Yang Maha Mulia.

Larangan penggunaan nama Allah dengan mengaitkanNya dengan kesesatan, kebatilan dan pendustaan adalah amat jelas dan nyata menerusi ayat-ayat al-Qur'an yang dibentangkan. Perbuatan melanggar larangan itu sama ertinya dengan meredhai kekufuran dan kesyirikan.



## Bab 2

### Dalil Hadis Berkaitan Nama Allah



ab ini memaparkan dalil-dalil hadis berserta ulasan ringkas mengenai tatacara penggunaan kalimah Allah oleh Rasulullah SAW dan masyarakat terdahulu.

1. Abu Hurairah RA berkata, Rasulullah SAW telah bersabda yang maksudnya:

*“Allah Taala befirman: Anak Adam telah memakiKu. Tiada patut baginya bahawa dia memakiKu. Anak Adam telah mendustaiKu. Tiada patut baginya (anak Adam) bahawa dia mendustaiKu. Dan adapun makian dia terhadapKu ialah kata-katanya bahawa Aku mempunyai anak, sedangkan Aku adalah ‘Allah’ Yang Esa, tumpuan segala hajat, tidak beranak dan tidak diperanakkan serta tidak ada bagiKu sesuatu pun yang menyamaiKu. Manakala pendustaan dia terhadapKu ialah kata-katanya bahawa Allah tidak akan membangkitkan daku selepas mati, sepetimana Allah menciptakan daku permulaannya. Tidakkah mencipta awal kejadian adalah terlebih senang bagiKu daripada membangkitkan semula (yakni kedua-dua perkara itu sama di sisiNya).”*

(Riwayat Bukhari, Ahmad dan Nasaie)

**Ulasan :** Larangan oleh Allah mendustakan konsep ketauhidan dan keesaanNya serta kekuasaan Allah. Dalam dunia hari ini pelbagai pendustaan orang bukan Islam lakukan terhadap benda-benda yang mereka anggap sebagai tuhan. Adakah wajar pendustaan dan makian puak Kristian hari ini dikaitkan dengan Allah? Sekiranya jawapannya tidak, maka jangan sesekali kita membenarkan mereka menggunakan nama Allah yang suci pada perkara yang mereka pertuhankan.

2. Anas bin Malik RA berkata:

*“Sesungguhnya orang Quraish membuat perdamaian dengan Nabi SAW, di antara mereka adalah Suhail bin Amru. Nabi SAW berkata kepada Ali: ‘Tuliskan bismillahi al-Rahman al-Rahim’. Suhail berkata: ‘Adapun bismillahi, kami tidak tahu apa itu bismillahi al-Rahman al-Rahim, tetapi tulislah apa yang kami tahu iaitu bismika Allahu mma’.”*

(Riwayat Muslim)

**Ulasan :** Penggunaan kalimah Allah oleh Rasulullah SAW sendiri dalam pemeteraian Perjanjian Sulh Hudaibiyah.

3. Diriwayatkan daripada Anas bin Malik RA bahawa ketika para sahabat duduk bersama Rasulullah SAW di masjid, datang seorang lelaki bernama Dhimam bin Tha’labah lalu bertanya Rasulullah SAW, katanya:

*“Aku ingin bertanya engkau tentang tuhan engkau dan tuhan orang sebelum engkau, adakah Allah yang mengutuskan engkau kepada seluruh manusia? Nabi SAW menjawab: ‘Allahumma ya’.”*

(Riwayat Bukhari)

**Ulasan :** Penggunaan kalimah Allah oleh Dhimam bin Tha'labah adalah dalam konteks takrifan nama Allah oleh orang Islam dan mereka yang sebelum ini beriman kepada Allah. Akhirnya, selepas situasi ini Dhimam memeluk Islam.

4. Rasulullah SAW telah mengakui satu syair oleh penyair Jahiliyah iaitu Lubayd bin Rabi'ah yang ada menyebut nama Allah dengan sabdanya:

*“Sebenar-benar perkataan yang dikatakan oleh penyair (Jahiliyah) adalah perkataan Lubayd bin Rabiah yang berkata : ‘Ketahuilah semua perkara selain Allah adalah batil (hancur)’.”*

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

**Ulasan :** Perakuan oleh Rasulullah SAW terhadap syair oleh penyair bukan Islam yang menggunakan kalimah Allah yang diucapkan dalam erti yang sebenar.

5. Rasulullah SAW bersabda yang maksudnya:

*“Tidak akan berlaku kiamat, melainkan tidak ada lagi di bumi orang menyebut, Allah, Allah.”*

(Riwayat Muslim)

**Ulasan :** Peringatan oleh Rasulullah SAW bahawa antara tanda-tanda kiamat apabila kalimah Allah tidak lagi disebut di muka bumi dalam bentuk zikir pujian yang sebenar.

6. Diriwayatkan daripada Abu Zar RA, Rasulullah SAW bersabda yang maksudnya:

*“Jibril AS telah mendatangi aku lalu memberitahu berita gembira iaitu sesiapa yang mati di kalangan umatku dalam keadaan tidak mensyirikkan Allah dengan sesuatu, nescaya dia akan dimasukkan ke dalam syurga. Aku bertanya: ‘Walaupun dia berzina dan mencuri?’. Rasulullah SAW bersabda: ‘Walaupun dia berzina dan mencuri’.”*

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

**Ulasan :** Penegasan tentang keistimewaan orang yang mentauhidkan Allah berbanding orang lain.

7. Diriwayatkan daripada Miqdad bin Al Aswad RA katanya:

*“Beliau telah bertanya Rasulullah SAW: ‘Wahai Rasulullah, apakah pendapatmu sekiranya aku berjumpa dengan seorang lelaki daripada golongan orang-orang kafir, lalu menyerangku dan memotong salah satu daripada tanganku dengan pedangnya. Kemudian dia lari dariku dan berlindung di sebalik sepohon kayu, lalu berkata, aku menyerah diri kerana Allah. Adakah aku boleh membunuhnya selepas dia mengucapkan ungkapan itu?’. Rasulullah SAW bersabda: ‘Janganlah engkau membunuhnya’. Miqdad tidak berpuas hati lalu membantah: ‘Wahai Rasulullah SAW! Lelaki itu telah memotong tanganku kemudian telah mengungkapkan ungkapan tersebut selepas memotongnya, adakah aku boleh membunuhnya?’. Rasulullah SAW bersabda: ‘Janganlah kamu membunuhnya, sekiranya kamu membunuh lelaki itu, sesungguhnya dia seperti kamu sebelum kamu membunuhnya dan sesungguhnya kamu sepertinya sebelum dia mengucapkan perkataan tersebut’.”*

**Ulasan :** Larangan membunuh orang yang telah melafazkan pengakuan untuk memeluk Islam.

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

8. Dari Abu Abbas, Abdullah bin Abbas RA : Bahawa pada suatu hari saya sedang berada di atas binatang tunggangan Rasulullah SAW lalu Baginda SAW bersabda yang maksudnya:

*“Wahai anak kecil, sesungguhnya aku telah mengajar kamu*

beberapa perkataan. Peliharalah (perintah) Allah, nescaya Dia akan memelihara kamu, peliharalah (kehormatan) Allah, nescaya engkau akan merasakan Dia berada bersama-sama mu. Jika engkau memohon, pohonlah kepada Allah semata-mata. Jika engkau meminta pertolongan mintalah kepada Allah semata-mata. Ketahuilah bahawa jika semua umat manusia berkumpul untuk memberikan kepadamu sesuatu manfaat, nescaya mereka tidak akan mampu memberi manfaat itu, melainkan dengan sesuatu yang telah ditakdirkan oleh Allah. Begitu juga sekiranya mereka berkumpul untuk menentukan suatu mudarat untuk kamu, nescaya mereka tidak akan mampu menentukannya, melainkan dengan suatu yang telah ditentukan Allah ke atas kamu. Telah diangkat kalam (tulisan) dan telah kering (tinta) buku catatan.”

(Riwayat Tirmizi)

**Ulasan :** Penegasan untuk memelihara hak dan kewajipan terhadap Allah.

9. Daripada Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda yang maksudnya:

“Sesungguhnya Allah mempunyai sembilan puluh sembilan nama iaitu seratus kurang satu. Siapa menghafalnya masuk syurga.”

(Riwayat Muslim)

**Ulasan :** Penjelasan 99 nama yang dimiliki oleh Allah dan kesuciannya serta galakan untuk menghafalnya.

### **KESIMPULAN KESELURUHAN**



Penegasan oleh Rasulullah SAW supaya memelihara hak dan kewajipan terhadap Allah SWT.

Perakuan bahawa penggunaan nama Allah mestilah dalam maksud yang sebenar.

Kefahaman yang benar tentang nama Allah akan membuka pintu hidayah kepada orang bukan Islam untuk menerima Islam.



## Bab 3

### Penggunaan Nama Allah Bagi Orang Bukan Islam Menurut Aspek Perundangan

# B

ab 3 ini akan menerangkan isu penggunaan nama Allah bagi orang bukan Islam menurut aspek perundangan. Kepentingan bab ini ialah untuk memahami segi perundangan dan implikasi pelanggarannya yang melibatkan isu negara. Bab ini juga memaparkan maklumat perundangan dan fatwa yang telah ditetapkan berhubung isu ini.

#### Pemeliharaan Dari Aspek Perlembagaan Persekutuan

1. Perkara 4 (1) Perlembagaan Persekutuan menyebut :

*Perlembagaan ini ialah undang-undang utama Persekutuan dan apa-apa undang-undang yang diluluskan selepas Hari Merdeka yang tidak selaras dengan Perlembagaan ini adalah tidak sah setakat ketidakselarasan itu.*

**Ulasan :** Penegasan status dan kuasa Perlembagaan Persekutuan yang merupakan undang-undang utama Persekutuan.

2. Perkara 3 (1) Perlembagaan Persekutuan menyebut :

*Islam ialah agama bagi Persekutuan; tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan.*

**Ulasan :** Islam adalah agama Persekutuan yang merupakan agama utama di antara agama-agama lain di negara ini. Ini bermaksud Islam BUKAN SETARAF dengan agama lain. Islam berada di hadapan, menjadi tonggak dan teguh sebagai paksi Persekutuan. Tidak wujud prinsip kesamarataan agama apabila Islam dijamin dalam Perlembagaan sebagai agama Persekutuan. Tetapi ini tidak menafikan hak pengikut agama lain untuk mengamalkan agama mereka.

3. Perkara 11 (1) Perlembagaan Persekutuan menyebut :

*Tiap-tiap orang berhak menganuti dan mengamalkan agamanya dan, tertakluk kepada Fasal (4) mengembangkannya.*

**Ulasan :** Jaminan hak oleh Perlembagaan untuk menganuti dan mengamalkan agama masing-masing. Namun, ia tidak bererti mempunyai kebebasan langsung. Ia tetap tertakluk pada Perkara 11 (4) Perlembagaan Persekutuan.

4. Perkara 11 (4) Perlembagaan Persekutuan menyebut :

*Undang-undang Negeri dan berkenaan dengan Wilayah-wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, undang-undang Persekutuan boleh mengawal atau menyekat pengembangan apa-apa doktrin atau kepercayaan agama di kalangan orang yang menganuti agama Islam.*

**Ulasan :** Penegasan kuasa undang-undang Persekutuan yang menjadi pengikat dan batas pada kebebasan mengembangkan agama, kepercayaan atau doktrin di kalangan umat Islam.

5. Perkara 11 (5) Perlembagaan Persekutuan menyebut :

*Perkara ini tidaklah membenarkan apa-apa perbuatan yang berlawanan dengan undang-undang am mengenai ketenteraman awam, kesihatan awam atau akhlak.*

**Ulasan :** Penegasan kuasa sekatan yang boleh menghalang pengembangan agama, kepercayaan atau doktrin yang boleh menggugat ketenteraman awam, kesihatan awam atau akhlak.

## KESIMPULAN



Perlembagaan Persekutuan merupakan undang-undang utama negara menetapkan Islam adalah agama Persekutuan dan menjadikan agenda memelihara agama Islam sebagai agenda utama Negara apabila YDPA diwajibkan bersumpah atas nama Allah menurut amalan Syariah – “Wallahi, wabillahi, watallahi, untuk memeliharakan pada semua masa Agama Islam”.

Kefahaman secara menyeluruh Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan mengenai kebebasan beragama mesti dirujuk sebagai teras dalam menangani isu penggunaan nama Allah oleh orang bukan Islam.

Perkara 11 (4) Perlembagaan Persekutuan meletakkan syarat penting yang memberi kuasa kepada Undang-undang Negeri dan Wilayah-wilayah Persekutuan untuk mengawal atau menyekat pengembangan ajaran agama lain kepada penganut agama Islam dan ini termasuklah sekatan penyebaran kitab atau sedutan ajaran mereka dalam bahasa Melayu dan penggunaan kalimah-kalimah yang bersumberkan ajaran Islam.

Di bawah peruntukan Perkara 11 (4) ini, kerajaan (sama ada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri) telah menggubal undang-undang mengawal dan menyekat pengembangan agama-agama bukan Islam terhadap umat Islam.

Penggunaan nama Allah oleh orang bukan Islam khususnya dalam penerbitan bahan agama dikira melanggar Perkara 11 (4) kerana nama Allah dalam konteks agama adalah pegangan eksklusif kefahaman tauhid dan akidah umat Islam serta merupakan suatu penghinaan terhadap agama Islam dan umat Islam apabila ia disalahgunakan mengikut selera dan kemahuan penganut agama lain.

### Keputusan Kerajaan Terhadap Penggunaan Nama Allah

Keputusan mesyuarat Kabinet bertarikh 16 Mei 1986 telah memutuskan bahawa **perkataan Allah adalah termasuk antara kalimah-kalimah yang dilarang penggunaannya oleh mereka yang bukan beragama Islam**. Malah penggunaan kalimah Allah, Baitullah, Solat dan Kaabah telah pun diwartakan hanya eksklusif buat umat Islam sahaja di bawah Warta P.U (A) 15/82 dan pekeliling KKDN S.59/3/6/A bertarikh 5 Disember 1986.

Manakala Jemaah Menteri yang bermesyuarat pada 3 Januari 2008, memutuskan untuk mengekalkan larangan tersebut sebagaimana yang pernah diputuskan pada 18 Oktober dan 1 November 2006.

### Fatwa Nama Allah Eksklusif Untuk Umat Islam Oleh Majlis Fatwa Kebangsaan

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-82 yang bersidang pada 5-7 Mei 2008 telah membincangkan Isu Tuntutan Pengikut Kristian Terhadap Penggunaan Kalimah Allah. Muzakarah telah memutuskan bahawa **lafaz Allah merupakan kalimah suci yang khusus bagi agama dan umat Islam dan ia tidak boleh digunakan atau disamakan dengan agama-agama bukan Islam lain**. Oleh itu wajib bagi umat Islam menjaganya dengan cara yang terbaik dan sekiranya terdapat unsur-unsur penghinaan atau penyalahgunaan terhadap kalimah tersebut, maka ia perlu disekat mengikut peruntukan undang-undang yang telah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

**Keterangan/Hujah:**

1. Lafaz Allah yang diimani oleh umat Islam adalah nama khas yang merujuk kepada Tuhan Yang Maha Esa yang sebenarnya berasaskan wahyu Allah kepada Nabi Muhammad melalui firmanNya di dalam al-Qur'an. Allah yang telah digunakan oleh orang-orang Kristian Arab untuk merujuk kepada Tuhan Bapa iaitu salah satu oknum daripada akidah triniti adalah akibat daripada kesesatan pendustaan mereka terhadap ajaran agama mereka sendiri. Berbeza sama sekali dengan apa yang dimaksudkan oleh Archbishop of Kuala Lumpur, Tan Sri Murphy Pakiam kononnya perkataan Allah telah lama digunakan oleh orang-orang Kristian sejak sebelum kedatangan Rasulullah SAW untuk merujuk pada istilah tuhan atau *God* dalam bahasa Inggeris. Justeru, beliau telah menuntut di Mahkamah Tinggi supaya pengikut Kristian dibenarkan untuk menggunakan perkataan Allah yang bermaksud tuhan sebagai terjemahan pada perkataan *God* dalam bahasa Melayu. Sedangkan lafaz Allah tidak pernah digunakan dalam teks Bible bahasa asalnya iaitu bahasa Greek kerana tuhan di dalam bahasa Greek adalah "Theos" manakala dalam bahasa Inggeris pula adalah *God* dan bukannya Allah. Justeru orang-orang Kristian yang bertutur dalam bahasa Melayu tetap boleh melaksanakan amalan agama mereka dengan menggunakan perkataan tuhan tanpa meminjam nama Allah Yang Maha Suci kerana ia menjadi suatu bentuk penyalahgunaan nama suci Allah.
2. Perkataan Allah juga tidak pernah terdapat di dalam bahasa asal Perjanjian Lama yang dikenali sebagai Taurat dan Perjanjian Baru yang dikenali sebagai Bible. Ini adalah kerana Perjanjian Lama ditulis dalam bahasa Hebrew manakala Perjanjian Baru pula ditulis dalam bahasa Greek. Perkataan Hebrew yang membawa maksud Tuhan ialah El, Elohim dan juga Yhwh.

3. Kalimah Allah *Lafz al-Jalalah* adalah khusus dan mutlak untuk agama Islam dan mafhumnya berbeza dengan mafhum Allah yang digunakan oleh agama lain seperti Kristian.
4. Perintah mahkamah yang dipohon oleh *Catholic Herald Weekly* untuk mengisyiharkan bahawa larangan penggunaan kalimah Allah yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri adalah bercanggah dengan Perlumbagaan Persekutuan dan bukan eksklusif kepada agama Islam boleh memberi kesan yang besar pada kedudukan agama Islam sekiranya orang Islam sendiri tidak peka dan pihak berkuasa agama di negara ini tidak memberi perhatian yang sewajarnya.
5. Walaupun segi sejarah kalimah Allah telah digunakan sejak sebelum kedatangan Islam lagi, namun penggunaannya adalah berbeza daripada apa yang dituntut oleh Archbishop of Kuala Lumpur, Tan Sri Murphy Pakiam dan sebahagian kecil penganut agama Kristian di Malaysia. Masyarakat Arab sebelum Islam termasuk Kristian Arab (Nasrani) sememangnya menganggap Allah sebagai tuhan tetapi mereka mensyirikkan Allah sama ada dengan menyembah berhala sebagai perantaraan atau triniti, sedangkan apa yang dituntut hari ini ialah apa sahaja yang disembah atau dianggap tuhan oleh mereka boleh dirujuk sebagai Allah. Perbuatan ini lebih dahsyat daripada Arab jahiliah dan ahli kitab di zaman Nabi.
6. Kalimah Allah merupakan lafaz suci yang perlu dijaga dan berkait dengan akidah. Umat Islam perlu peka dan bertanggungjawab dalam isu ini. Sikap membenarkan sesiapa sahaja menggunakan kalimah tersebut semata-mata untuk menunjukkan bahawa Islam meraikan agama lain hanya akan mendatangkan mudarat yang lebih besar pada agama dan umat Islam.

7. Umat Islam perlu tegas dalam menjaga kesucian dan identiti agama kerana bersikap terlalu terbuka sehingga membenarkan perkara-perkara yang menjadi hak Islam disalahgunakan oleh agama lain adalah amat merbahaya kerana matlamat utama Kristian menggunakan kalimah Allah adalah untuk mengelirukan umat Islam dan menyatakan bahawa semua agama adalah sama.
8. Kalimah Allah sebenarnya tidak ada di dalam Bible, yang digunakan ialah perkataan *God*, mungkin kerana setelah kitab Injil diubah dan dipinda mengikut selera pendita Nasrani, mereka sudah tidak mengenali nama tuhan yang sebenarnya. Justeru dalam Bible yang diterjemahkan ke Bahasa Melayu, perkataan *God* diterjemahkan sebagai Allah seolah-olah Allah adalah sama erti dengan perkataan tuhan dan bukannya nama khas Tuhan yang Maha Esa. Akibatnya umat Islam juga menjadi sebagaimana penganut Kristian yang tidak mengenali Tuhan dengan sebenar-benarnya.
9. Isu penggunaan kalimah Allah oleh agama bukan Islam ini melibatkan isu berkaitan peneguhan agama Islam yang wajib diutamakan oleh pemerintah dan kerajaan wajib menjaga kesucian agama dan umat Islam. Fatwa perlu dikeluarkan oleh Jawatankuasa ini bagi menjaga kesucian agama dan akidah umat Islam.
10. Pertimbangan Jawatankuasa dalam melarang penggunaan kalimah Allah oleh agama bukan Islam bukan hanya dilihat dari aspek keselamatan, tetapi faktor utama adalah berasaskan akidah dan kesucian agama Islam.
11. Dalam keadaan di mana agama dan umat Islam dihimpit dengan pelbagai gerakan yang cuba menghakis kedaulatan Islam sebagai Agama Negara, umat Islam perlu bersatu dan menunjukkan ketegasan dalam menjaga maruah agama.

## KESIMPULAN



Keputusan Kabinet melarang penggunaan kalimah Allah oleh orang yang bukan beragama Islam adalah selaras dengan Perlembagaan Persekutuan bagi memelihara kesucian Agama Islam kerana sebagaimana yang diikrarkan oleh YDPA sebagai Ketua Utama Negara untuk memelihara Agama Islam (Agama Negara) pada setiap masa.

Keputusan Majlis Fatwa Kebangsaan bahawa lafaz Allah merupakan kalimah suci yang khusus bagi agama dan umat Islam adalah menjadi panduan dan sandaran oleh pihak pemerintah dalam menentukan sama ada sesuatu keputusan yang ada hubung kait dengan prinsip atau ajaran Islam diputuskan pihak berkuasa yang berwibawa yang ditubuhkan oleh Majlis Raja-Raja. Tiada mana-mana pihak yang boleh menyanggahi pandangan Majlis Fatwa Kebangsaan setelah Majlis Raja-Raja memberi perkenan kepada pandangan berkenaan.

**Fatwa Nama Allah Eksklusif Untuk Umat Islam Oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor Dan Seksyen 47, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003**

Tarikh Keputusan: 10 Jun 2008

**ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM  
(NEGERI SELANGOR) 2003**

Menurut Seksyen 47 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 [*En. 1/2003*], Jawatankuasa Fatwa bagi Negeri Selangor, melalui Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor Bil. 3/2008 bertarikh 10 Jun 2008 dan atas perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan menyediakan fatwa yang dinyatakan dalam Jadual dan disiarkan menurut subseksyen 48(6) Enakmen itu.

**JADUAL****ISU TUNTUTAN PENGANUT KRISTIAN TERHADAP  
PENGGUNAAN KALIMAH ALLAH**

- 1. Lafaz Allah merupakan kalimah suci yang khusus bagi agama dan umat Islam dan ia tidak boleh digunakan atau disamakan dengan agama-agama bukan Islam yang lain.**
- 2. Oleh itu, wajib bagi umat Islam menjaganya dengan cara yang terbaik dan sekiranya terdapat unsur-unsur penghinaan atau penyalahgunaan terhadap kalimah tersebut, maka ia perlu disekat mengikut peruntukan Undang-Undang yang telah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.**

Status Pewartaan: **Diwartakan**

Tarikh Diwartakan: **27 Januari 2010**

## KESIMPULAN

Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor telah memutuskan bahawa nama Allah adalah kalimah suci yang khusus bagi agama dan umat Islam.

Nama Allah tidak boleh digunakan oleh agama bukan Islam kerana ia pasti akan menjurus pada suatu bentuk penyalahgunaan dan amat menyentuh sensitiviti beragama umat Islam kerana Allah adalah paksi akidah Islam dan tidak boleh sama sekali digunakan dengan cara yang menyalahi akidah Islam.

Umat Islam wajib menjaga kesucian nama Allah dengan cara terbaik.

Umat Islam wajib menyekat usaha penyalahgunaan dan penghinaan terhadap nama Allah.

## Pemeliharaan Dari Aspek Kuasa DYMM Raja-Raja Melayu

### 1. Wasiat Raja-Raja Melayu

Wasiat yang disampaikan semasa Raja-Raja Melayu menurunkan tandatangan persetujuan pembentukan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu pada 5 Ogos 1957 itu ialah:

- ◆ Kami namakan dan kami panggil akan dia, bumi yang kamu pijak dan langit yang kamu junjung Persekutuan Tanah Melayu (sekarang dikenali dengan nama Malaysia).
- ◆ Kami isytiharkan dan kami simpan untuk kamu dan kami benarkan kamu isytihar dan simpan untuk anak cucu kamu, selain gunung-ganang, tasik dan hutan simpan, Tanah simpanan Melayu sehingga nisbah 50 peratus, selebihnya kamu rebutlah bersama-sama kaum lain.
- ◆ Bagi menjaga kamu dan bagi melindungi anak cucu kami serta harta milik kamu, kami tubuhkan Rejimen Askar Melayu selain untuk membanteras kekacauan dalam negara dan ancaman dari luar negara.
- ◆ Kamikekalkan dan kami jamin kerajaan dan kedaulatan Raja-Raja Melayu memerintah negara ini.
- ◆ **Kami isytiharkan Islam adalah agama Persekutuan.**
- ◆ Kami tetapkan bahasa kebangsaan ialah bahasa Melayu.
- ◆ **Kami amanahkan dan kami pertanggungjawabkan kepada Raja-Raja Melayu untuk melindungi kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum-kaum lain (kemudian ditambah kedudukan istimewa anak negeri Sabah dan Sarawak).**

2. Status Yang di-Pertuan Agong dan Raja-Raja Melayu sebagai Ketua Agama Islam

Perkara 3 (2) Perlembagaan Persekutuan menyebut :

*Di dalam tiap-tiap Negeri selain Negeri-Negeri yang tidak mempunyai Raja, kedudukan Raja sebagai Ketua agama Islam di Negerinya mengikut cara dan setakat yang diakui dan ditetapkan oleh Perlembagaan Negeri itu, dan, tertakluk kepada Perlembagaan itu, segala hak, keistimewaan, prerogatif dan kuasa yang dinikmati olehnya sebagai Ketua agama Islam, tidaklah tersentuh dan tercacat; tetapi dalam apa-apa perbuatan, amalan atau upacara yang berkenaan dengannya Majlis Raja-Raja telah bersetuju bahawa perbuatan, amalan atau upacara itu patut diperluas ke seluruh Persekutuan, setiap Raja lain hendaklah atas sifatnya sebagai Ketua agama Islam membenarkan Yang di-Pertuan Agong mewakilinya.*

Perkara 3 (3) Perlembagaan Persekutuan menyebut :

*Perlembagaan-Perlembagaan Negeri Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak hendaklah masing-masing membuat peruntukan bagi memberi Yang di-Pertuan Agong kedudukan sebagai Ketua agama Islam di Negeri itu.*

Perkara 3 (5) Perlembagaan Persekutuan menyebut :

*Walau apa pun apa-apa juga dalam Perlembagaan ini, Yang di-Pertuan Agong hendaklah menjadi Ketua Agama Islam di Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya; dan bagi maksud ini Parlimen boleh melalui undang-undang membuat peruntukan-peruntukan bagi mengawal selia hal ehwal agama Islam dan bagi menubuhkan suatu Majlis untuk menasihati Yang di-Pertuan Agong mengenai perkara-perkara yang berhubungan dengan agama Islam.*

## KESIMPULAN



DYMM Raja-Raja Melayu telah mengisyiharkan dalam wasiat mereka Islam adalah Agama Persekutuan.

Yang di-Pertuan Agong dan Raja-Raja Melayu adalah penjaga dan pembela kesucian agama Islam di Malaysia berdasarkan kedaulatan mereka.

Pencerobohan ke atas kesucian agama Islam adalah dikira sebagai mencemari kedaulatan Yang di-Pertuan Agong dan Raja-Raja Melayu seperti yang telah diperuntukkan oleh Perlembagaan dan perlu ditangani menurut undang-undang yang berkuatkuasa seperti Akta Hasutan atau akta yang mengantikannya.

Pemeliharaan kesucian dan kemuliaan nama Allah adalah teras pada kedaulatan agama Islam sebagai Agama Persekutuan.

**Enakmen Ugama Bukan Islam (Kawalan Pengembangan di Kalangan Orang Islam) 1988, Negeri Selangor**

Suatu Enakmen untuk mengawal dan menyekat pengembangan iktikad dan kepercayaan-kepercayaan ugama bukan Islam di kalangan orang-orang yang menganuti ugama Islam.

BAHAWASANYA Perkara 11 (4) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa undang-undang Negeri boleh mengawal dan menyekat pengembangan apa-apa iktikad atau kepercayaan ugama antara orang-orang yang menganut ugama Islam.

DAN BAHAWASANYA adalah sekarang dikehendaki supaya diperbuat suatu undang-undang untuk mengawal dan menyekat pengembangan iktikad dan kepercayaan-kepercayaan ugama bukan Islam di kalangan orang-orang yang menganuti ugama Islam.

OLEH YANG DEMIKIAN, menurut Perkara 11 (4) Perlembagaan Persekutuan MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Badan Perundangan Negeri Selangor seperti berikut:

**Seksyen 1 :** Tajuk ringkas

**Seksyen 2 :** Tafsiran

**Seksyen 3 :** Kriteria bagi memutuskan sama ada seseorang itu orang Islam

**Seksyen 4 :** Kesalahan memujuk, mempengaruhi, atau menghasut orang berugama Islam supaya mengubah keimanan

**Seksyen 5 :** Kesalahan mendedahkan orang belum dewasa berugama Islam kepada pengaruh ugama bukan Islam

**Seksyen 6 :** Kesalahan mendekati orang Islam untuk mendedahkannya kepada apa-apa ucapan atau pertunjukan sesuatu mengenai ugama bukan Islam

**Seksyen 7 :** Kesalahan menghantar atau menyerahkan terbitan-terbitan mengenai apa-apa ugama bukan Islam kepada orang berugama Islam

**Seksyen 8 :** Kesalahan membahagikan di tempat awam terbitan mengenai ugama bukan Islam kepada orang berugama Islam

**Seksyen 9 :** Kesalahan berhubung dengan penggunaan perkataan-perkataan dan perbahasan tertentu yang bersumber Islam

**Seksyen 10 :** Tauliah untuk menjalankan kuasa-kuasa pegawai bertauliah

**Seksyen 11 :** Kesalahan boleh tangkap dan kes boleh tangkap

**Seksyen 12 :** Kuasa untuk menyiasat dan menangkap

**Seksyen 13 :** Kuasa untuk memerintah saksi-saksi hadir

**Seksyen 14 :** Pemeriksaan saksi

**Seksyen 9 : Kesalahan Berhubung Dengan Penggunaan Perkataan-Perkataan Dan Perbahasan Tertentu Yang Bersumber Islam, Enakmen Ugama Bukan Islam (Kawalan Pengembangan di Kalangan Orang Islam) 1988, Negeri Selangor**

- (1) Seseorang adalah melakukan kesalahan jika dia ---
- (a) dalam apa-apa tulisan yang diterbitkan; atau
  - (b) dalam apa-apa ucapan atau pernyataan awam; atau
  - (c) dalam apa-apa ucapan atau pernyataan yang ditujukan kepada mana-mana perhimpunan orang; atau
  - (d) dalam apa-apa ucapan atau pernyataan yang diterbit atau disiarkan dan yang pada masa ucapan atau pernyataan itu dibuat dia tahu, atau munasabahnya patut tahu ianya akan diterbitkan atau disiarkan,

menggunakan mana-mana perkataan yang disenaraikan dalam Bahagian I kepada Jadual, atau apa-apa perkataan terbitan atau variasinya, untuk menyatakan atau memperihalkan sesuatu fakta, kepercayaan, idea, konsep, perbuatan, aktiviti, perkara atau hal mengenai atau berkaitan dengan sesuatu ugama bukan Islam.

- (2) Seseorang yang tidak berugama Islam adalah melakukan suatu kesalahan jika dia, dalam hal keadaan yang dinyatakan dalam seksyen kecil (1), menggunakan mana-mana perbahasan yang disenaraikan dalam Bahagian II kepada Jadual, kecuali sebagai petikan atau rujukan.
- (3) Seseorang yang melakukan kesalahan di bawah seksyen kecil (1) atau (2) boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak melebihi satu ribu ringgit.
- (4) Raja dalam Mesyuarat boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, meminda Jadual.

**Istilah-Istilah Eksklusif Untuk Umat Islam Yang Dilarang  
Digunakan Oleh Bukan Islam****JADUAL**

(Seksyen 9)

**BAHAGIAN I****PERKATAAN-PERKATAAN YANG TIDAK BOLEH  
DIGUNAKAN BERKAITAN DENGAN UGAMA  
BUKAN ISLAM**

Allah	Ilahi	Rasul	Fatwa
Firman Allah	Wahyu	Iman	Imam
Ulama	Mubaligh	Dakwah	Nabi
Hadith	Syariah	Injil	Sheikh
Ibadah	Qiblat	Salat	
Kaabah	Haji	Khalifah	
Kadi	Mufti	Wali	

**PERBAHASAAN YANG TIDAK BOLEH  
DIGUNAKAN OLEH ORANG BUKAN ISLAM  
BERKAITAN DENGAN UGAMA BUKAN ISLAM**

1. Subhanallah
2. Alhamdulillah
3. Lailahaillallah
4. Walillahilhamd
5. Allahu Akbar
6. Insyaallah
7. Astaghfirullahal Azim
8. Tabaraka Allah
9. Masyaallah
10. Lahaula Walaquata Illabillahilaliyyil Azim

Diluluskan pada 4hb April 1988

[DUN. Sel. 30051/45; PU. Sel. 1545 Sj. 18.]

## **KESIMPULAN**

Negeri Selangor telah menetapkan enakmen untuk mengawal dan menyekat pengembangan iktikad dan kepercayaan-kepercayaan agama bukan Islam di kalangan orang-orang Islam yang dikenali sebagai Enakmen Ugama Bukan Islam (Kawalan Pengembangan di Kalangan Orang Islam) 1988, Negeri Selangor.

Seksyen 9 enakmen ini menyenaraikan kesalahan berhubung dengan penggunaan perkataan-perkataan dan perbahasaan tertentu yang bersumber Islam.

Jadual Seksyen 9 enakmen ini menyenaraikan perkataan-perkataan yang tidak boleh digunakan berkaitan dengan agama bukan Islam.

Enakmen ini juga menggariskan perbahasaan yang tidak boleh digunakan oleh orang bukan Islam berkaitan dengan agama bukan Islam.

**Seksyen 4(1), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003**

- (1) Maka hendaklah ada suatu badan bernama “Majlis Agama Islam Selangor” untuk membantu dan menasihati Duli Yang Maha Mulia Sultan dalam perkara-perkara yang berhubungan dengan agama Islam.

**Ulasan :**

- ❖ Peranan besar Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) untuk mempertahankan agama Islam terutama isu akidah umat Islam.
- ❖ Peranan MAIS membantu dan menasihati Duli Yang Maha Mulia Sultan berkenaan dengan semua perkara yang berkaitan dengan agama Islam di dalam negeri Selangor kecuali perkara-perkara hukum syarak dan yang berkaitan dengan pentadbiran keadilan yang masing-masing berada di bawah bidang kuasa Mufti dan Mahkamah Syariah.
- ❖ Fungsi MAIS sebagai pihak berkuasa utama di dalam negeri Selangor selepas Duli Yang Maha Mulia Sultan kecuali jika diperuntukkan selainnya dalam Enakmen ini.
- ❖ Semua dasar berkaitan agama Islam yang digubal oleh MAIS dan diperkenankan oleh DYMM Sultan Selangor adalah mengikat semua pihak termasuk Kerajaan Negeri.


## Bab 4

### Isu-Isu Dan Polemik

**B**ab ini memaparkan isu-isu dan polemik yang menjadi perbincangan hangat sehingga menimbulkan kekeliruan masyarakat dalam menanggapi isu penyalahgunaan nama Allah. Isu-isu dan polemik yang disenaraikan di sini merupakan antara aspek utama yang mencetuskan pelbagai persoalan. Ia telah dikategorikan pada empat bahagian iaitu:

- a. Polemik Hukum
- b. Polemik Dakwah
- c. Polemik Siasah dan Politik
- d. Polemik Kebebasan Beragama

Setiap isu dan polemik ini disediakan satu rangka jawapan yang ringkas untuk mencetus minda berfikir masyarakat untuk merenung dan bermuhasabah dalam situasi yang waras dan objektif.



### Polemik Hukum

*Polemik 1 : Kenapa ulama dan cendekiawan Islam berbeza pendapat dalam isu penggunaan nama Allah oleh bukan Islam?*

Perbezaan pendapat ini berlaku kerana perbezaan penilaian dan pertimbangan para ulama dan cendekiawan terhadap fakta dan tuntutan yang sebenar. Terdapat juga pihak yang berpandangan atas situasi setempat yang berlainan dan perbezaan bahasa. Malah ada pihak yang melihat, memahami dan mengulas bukan dalam konteks isu sebenar. Sesetengah pihak pula berpandangan pihak Kristian hendak mengiktiraf Allah sebagai tuhan sedangkan hakikatnya mereka mahukan tuhan mereka diiktiraf sebagai Allah. Secara keseluruhannya, sebagai peringatan, pihak yang bukan ahli sewajarnya tidak perlu mengulas isu ini kerana ia boleh menambahkan lagi kecelaruan.

*Polemik 2 : Kenapa tiada hukum yang terus menghukum bahawa haram orang bukan Islam menggunakan nama Allah?*

Sebenarnya, sudah ada hukum LARANGAN penggunaan nama Allah seperti yang dinyatakan dalam Bab 3. Penetapan hukum ini adalah berdasarkan ayat al-Qur'an yang milarang pendustaan atas nama atau sifat Allah seperti dalam Bab 1 dan atas kuasa pemerintah atau siasah syar'iyyah berdasarkan sebab berikut:

- a. Walaupun tiada dalil nas secara *qat'ie* yang mengharamkan penggunaan nama Allah oleh bukan Islam namun mereka tidak akan akur kepada pengharaman itu.
- b. Masyarakat bukan Islam tidak tertakluk di bawah hukum Islam kerana mereka bukan *mukallaf*. Justeru, tiada hukum HARAM jatuh ke atas mereka.
- c. Penetapan larangan bersandarkan pertimbangan *maslahah* dan kepentingan agama Islam oleh pemerintah lebih sesuai dan mudah untuk dikuatkuasakan.

*Polemik 3 : Apakah pendirian umat Islam dalam isu orang bukan Islam menggunakan nama Allah dalam Bible mereka?*

Umat Islam perlu sedar bahawa isu ini melibatkan usaha mencemarkan kesucian akidah Islam. Dalam konteks realiti di Malaysia, jika kita membenarkan orang bukan Islam menggunakan nama Allah dalam Bible ia bermaksud kita mengizinkan kesucian agama Islam dicemari dan nama Allah digunakan sewenang-wenangnya dalam maksud yang salah oleh orang bukan Islam. Umat Islam dituntut bersatu mempertahankan kesucian akidah. Keizinan pada penggunaan nama Allah dalam kitab Bible adalah merestui usaha mempersekuatkan Allah. Segi lain pula, isu ini menjadi satu tuntutan dan peluang dakwah kepada masyarakat

Islam untuk memahamkan masyarakat bukan Islam tentang Islam dan kesucian nama Allah. Peluang ini perlu digerakkan oleh umat Islam untuk menonjolkan syiar dan keindahan Islam demi kehidupan bermasyarakat yang lebih harmoni.

*Polemik 4 : Apa hukum dan peranan umat Islam dalam menghadapi isu penggunaan nama Allah oleh bukan Islam ini?*

Umat Islam WAJIB bersatu dan bersepakat di atas kebenaran dan kepentingan menjaga agama (*hifzuddin*) daripada diganggu gugat oleh anasir yang boleh memesongkan akidah umat dan gerakan yang mencabar kedaulatan Islam sebagai Agama Persekutuan. Kesatuan umat dalam isu ini akan memperteguh syiar kekuatan Islam dan menggerunkan usaha musuh Islam untuk memporak perandakan akidah umat dan keselamatan negara.

*Polemik 5 : Apakah kebenaran boleh diberi kepada orang bukan Islam untuk menggunakan nama Allah pada konteks dan maksud yang salah?*

Tidak boleh. Sudah tentu kefahaman dan pegangan agama lain apabila menggunakan nama Allah tidak sama seperti akidah, kefahaman dan pegangan umat Islam. Kecelaruan akan timbul apabila satu nama khas iaitu nama Allah diberi maksud dan penerangan yang berbeza mengikut neraca masing-masing. Perkongsian perkataan adalah satu perkara yang tidak sesuai dalam budaya masyarakat di Malaysia. Bahana akan menimpa masyarakat awam Islam yang akan keliru dengan situasi ini yang sekaligus boleh mencemarkan akidah dan keimanan mereka. Ia juga akan membuka pintu pada ancaman yang lebih besar terhadap Islam. Penerimaan dan penggunaan nama Allah mestilah dalam maksud tauhid sebenar yang digariskan oleh syarak. Sebarang bentuk penyalahgunaan nama suci Allah adalah penghinaan pada akidah Islam dan sudah tentu akan mencuit sensitiviti beragama umat

Islam. Bayangkan jika gereja diletakkan nama rumah Allah atau lambang lelaki yang tergantung pada salib dinamakan sebagai Allah Jesus.

### Polemik Dakwah

*Polemik 1 : Dalam konteks Malaysia, apakah pertimbangan yang perlu dilihat untuk mengaitkan isu penggunaan nama Allah oleh orang bukan Islam dengan peluang dakwah?*

Pertimbangan yang perlu diberi perhatian dalam konteks dakwah berkaitan isu ini lebih tertumpu pada *Maqasid Syariah* kerana realiti setempat di Malaysia menjadi penentu utama. Pertimbangan *Maqasid Syariah* ini melibatkan kepentingan yang paling utama iaitu menjaga dan mempertahankan agama melalui dua strategi iaitu:

- a. Pengukuhan agama Islam melalui penyampaian dan sebaran kefahaman yang benar.
- b. Pemerkasaan usaha mempertahankan kesucian agama Islam daripada gerakan yang bertujuan mencemarkan kesuciannya.

Kedua-dua strategi ini seharusnya bergerak secara beriringan. Usaha dakwah kepada masyarakat bukan Islam mengenai kesucian nama Allah perlu dipergiatkan dalam pelbagai cara agar mereka memahami rasional di sebalik larangan ini dan kepentingan kembali mentauhidkan Allah. Dakwah yang paling utama ialah menerangkan kepada orang bukan Islam tentang keimanan kepada Allah dan mengembalikan mereka kepada akidah yang suci dan bukan hanya beri kebenaran untuk menggunakan nama Allah tanpa pemahaman maksud yang sebenar. Dalam masa yang sama,

strategi mempertahankan kesucian agama Islam perlu dilakukan demi menunjukkan pendirian umat Islam yang memperjuangkan keimanan sebenar mereka kepada Allah SWT.

*Polemik 2 : Adakah larangan penggunaan nama Allah oleh bukan Islam dalam konteks penggunaan harian akan menjauhkan lagi jurang pemahaman masyarakat bukan Islam terhadap Islam?*

Tidak. Persoalan merapatkan jurang pemahaman masyarakat bukan Islam terhadap Islam perlu dilakukan dengan tugas usaha dakwah, penerangan yang terperinci, contoh teladan yang baik dan faktor hidayah. Penggunaan nama Allah dalam konteks yang salah dan ditambah lagi dengan pentafsiran nama Allah menurut ajaran agama mereka hanya akan menimbulkan salah faham dan kekeliruan. Jika hendak menjadikan ia sebagai faktor dakwah dan menarik bukan Islam untuk lebih memahami Islam, setiap individu Muslim di Malaysia dan pihak berwajib perlu berani memberi penerangan yang sebenar kepada masyarakat bukan Islam tentang maksud dan konteks sebenar penggunaan nama Allah tersebut. Soal mereka menerima atau tidak penerangan tersebut, itu tidak menjadi satu persoalan kerana mereka masih boleh membuat pilihan sama ada menerima Islam atau kekal dengan ajaran agama mereka. Apa yang paling utama adalah usaha dakwah perlu dijalankan.

*Polemik 3 : Kenapa perlu kita terlalu bertegas dalam penggunaan nama Allah oleh orang bukan Islam sedangkan Islam adalah agama yang memberi rahmat kepada seluruh alam dan umat Islam sudah pun mempunyai pegangan teguh dalam akidah mereka?*

Sememangnya Islam adalah agama rahmat dan bertoleransi. Islam tidak mengajar umatnya memusuhi masyarakat bukan Islam bahkan menyuruh berlaku adil kepada mereka. Dalam masa yang sama, kita juga perlu berwaspada dengan ancaman

licik lagi sistematik daripada musuh-musuh Islam yang sentiasa berusaha menyelewengkan orang Islam dan menghancurkan Islam. Kewaspadaan terhadap ancaman ini perlu menjadi peringatan kepada kita sesuai dengan firman Allah daripada Surah al-Baqarah ayat 120 yang mengingatkan kita tentang Yahudi dan Nasrani yang tidak akan sekali-kali redha kepada Islam sehingga galah umat Islam mengikut jejak langkah mereka. Apabila kelompok bukan Islam mula menyentuh isu-isu yang menjadi teras pada agama Islam, maka kita perlu sedar tentang peringatan Allah dalam Surah al-Mumtahanah ayat 9 melalui firmanNya yang bermaksud:

*“Sesungguhnya Allah hanyalah mlarang kamu daripada menjadikan teman rapat orang-orang yang memerangi kamu kerana agama (kamu), dan mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu, serta membantu (orang lain) untuk mengusir kamu. Dan (ingatlah), sesiapa yang menjadikan mereka teman rapat, maka mereka itulah orang-orang yang zalim.”*

Di samping itu, menyentuh pandangan yang mengatakan umat Islam sudah pun mempunyai pegangan teguh dalam akidah, ia juga perlu diberikan perhatian. Kita tidak boleh sentiasa berada dalam keadaan zon selesa. Cabaran pemikiran liberalisme dan kebejatan sosial semasa dan masalah kurangnya didikan agama di kalangan anak-anak muda boleh menggugat kekuatan umat Islam. Situasi ini ditambah lagi dengan kekalutan fahaman politik. Kecelaruan ini akan terus bertambah jika masyarakat bukan Islam diberi kelonggaran menggunakan nama Allah dalam ajaran dan doktrin mereka yang sudah pastinya digunakan secara salah.

*Polemik 4 : Apakah punca kekeliruan kefahaman masyarakat umum terhadap polemik dan isu ini?*

Perbincangan terbuka oleh mereka yang bukan ahli terutamanya di kalangan ahli politik tentang isu ini boleh mengusulkan lagi

keadaan. Sebenarnya ketetapan dan larangan telah diputuskan oleh pihak berkuasa. Masyarakat perlu merujuk pihak berautoriti tentang isu ini. Jika ingin membuat perbincangan juga, perkara berikut perlu diberi perhatian:

- a. Menyuburkan hujah berteraskan dalil dan fakta
- b. Menghayati realiti semasa
- c. Menjauhi sifat taasub
- d. Menyuburkan sifat mencari kebenaran
- e. Meletakkan kepentingan akidah umat sebagai keutamaan
- f. Menghindari kepentingan politik, individu atau alasan duniaawi
- g. Menggunakan penilaian yang objektif dan holistik

*Polemik 5 : Bukankah dengan penggunaan nama “Allah” akan menyebabkan orang bukan Islam akan lebih memahami Islam dan peluang boleh diambil untuk berdakwah kepada mereka? Kebenaran Islam akan menghuraikan kekusutan agama mereka. Ini menjadi kelebihan kepada umat Islam!*

Adakah dengan membenarkan bukan Islam menggunakan nama Allah adalah satu cara berdakwah kepada mereka? Bagaimana cara ini membantu mereka lebih memahami Islam?

Alasan kebenaran diberi atas dasar dakwah adalah merupakan satu *maslahat mauhumah* atau maslahah yang dikhayalkan oleh manusia sahaja. Mana mungkin kita memberi kebenaran kepada orang bukan Islam menggunakan nama Allah khususnya dalam ajaran agama mereka dan mereka menggunakan maksud yang berbeza daripada apa yang diimani oleh kita sebagai umat

Islam, boleh membawa orang bukan Islam mengenali Allah. Tentu sekali mereka akan menyakini nama Allah dalam maksud pemahaman mereka. Mari kita renung bersama situasi ini. Apabila kebenaran diberi kepada mereka untuk menggunakan nama Allah, maka tidak mustahil mereka akan menggunakannya dalam penerbitan agama mereka secara meluas. Adakah mereka akan turut menukar Bible atau penulisan agama versi Inggeris mereka dari perkataan “*God*” kepada kalimah “*Allah*”? Jika mereka menggunakan kalimah “*Allah*” dalam Bible mereka, golongan Kristian ini akan mentafsirkan kalimah “*Allah*” menurut fahaman agama Kristian. Mereka akan terus kekal dalam kesyirikan mereka dan paling menyedihkan ia akan menjadi propaganda mereka untuk menyesatkan umat Islam. Penggunaan kalimah “*Allah*” dalam Bible versi Melayu ini sebenarnya mahu ditujukan untuk memecahbelahkan umat Melayu Islam.

Kita tidak boleh berkompromi dalam bab akidah. Satu kaedah yang perlu kita fikirkan, “*Dar al-mafasid awla min jalb al-masalih*”. Kewajipan menjaga kesucian agama Islam perlu lebih diutamakan dari maslahah menggalakkan orang bukan Islam menggunakan nama Allah dengan harapan mereka akan masuk Islam. Dakwah akan dapat terus dilakukan tanpa perlu kita berkompromi tentang hal akidah.

Pendekatan memberi kebenaran ini hanyalah bersifat memberi bunga kepada kera. Nama Allah Yang Maha Suci tidak wajar dibenarkan untuk digunakan secara salah oleh mereka yang diketahui akan menggunakannya dalam maksud yang bertentangan dan mendustakan Allah dengan kepercayaan karut mereka.

### Polemik Siasah dan Politik

*Polemik 1 : Kenapa penggunaan nama Allah oleh bukan Islam masih menjadi isu walaupun larangan mengenainya telah berkuat kuasa?*

Ia masih menjadi isu kerana wujud faktor-faktor berikut:

- a. Kurang usaha penjelasan
- b. Niat serong menangguk di air keruh
- c. Peluang aktor politik meraih sokongan
- d. Peningkatan usaha gerakan Kristianisasi yang ingin melemahkan
- e. Kewujudan pihak yang tidak menghormati keputusan perundangan
- f. Kelemahan usaha pendidikan melalui tindakan penguatkuasaan yang proaktif dan efektif
- g. Ancaman gerakan liberalisme yang melanda dengan hebat tetapi tidak disedari oleh umat Islam dan pihak berkuasa

*Polemik 2 : Dari segi siasah dan politik, apa rasional di sebalik larangan penggunaan nama Allah oleh orang bukan Islam?*

Rasional di sebalik larangan ini ialah bagi memelihara kesucian akidah Islam dan mengelakkan salah guna serta kekeliruan di dalam masyarakat khususnya di kalangan umat Islam. Dalam keadaanancaman gejala murtad, peluang sepatutnya tidak diberi kepada pihak-pihak tertentu yang boleh menggugat kesucian Islam. Demi menjaga kemaslahatan umat, menolak kemudaratan lebih baik

daripada merebut kebaikan yang belum tentu memihak kepada umat. Jika kebenaran diberi kepada bukan Islam khususnya pihak Kristian untuk menggunakan nama Allah, adalah ditakuti banyak lagi istilah-istilah Islam yang akan dituntut untuk digunakan dalam agama mereka yang boleh menimbulkan kemarahan umat Islam. Di samping itu, kerajaan juga berhak memutuskan dasar dan tindakan dalam konteks menghalang mudarat yang dijangkakan bagi menghindari mudarat yang boleh menimpa orang awam Islam yang lemah dan mengendurkan ruang konflik antara agama yang boleh mencetuskan pergaduhan dan perselisihan faham. Beberapa mudarat ke atas umat Islam yang mungkin berlaku:

- a. Mendefinisikan nama Allah secara berbeza-beza dalam pelbagai penulisan, percetakan dan pengamalan masyarakat yang boleh mencetuskan kecelaruan akidah.
- b. Melahirkan pelbagai penulisan ilmiah dalam bahasa Melayu berunsur ketuhanan menggunakan nama Allah tetapi tidak membawa maksud nama Allah yang sebenar.
- c. Mewujudkan kelompok pendakwah yang mendakwa berdakwah di jalan Allah tetapi mendukung dakyah songsang.
- d. Mencetuskan fahaman pluralisme yang ekstrim kesan daripada kecelaruan fikiran umat sehingga mereka merasakan semua agama sama sahaja.

*Polemik 3 : Mengapa Sabah dan Sarawak dibenarkan menggunakan kalimah Allah?*

Berdasarkan kenyataan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz, penganut Kristian di Sabah dan Sarawak dibenar menggunakan nama Allah dalam upacara sembahyang dan keagamaan kerana secara tradisinya ia telah diamalkan sejak dahulu lagi. Langkah itu juga mengambil kira kebiasaan penduduk Islam di kedua-dua negeri berkenaan terhadap amalan penganut Kristian itu. Sabah dan Sarawak mempunyai jumlah penduduk Kristian yang tinggi berbanding di Semenanjung. Bagaimanapun penganut Kristian dan pihak gereja di Semenanjung Malaysia tetap tidak dibenarkan menggunakan kalimah Allah di dalam sebarang upacara keagamaan termasuk penerbitan. Larangan ini turut melibatkan penganut Kristian Sabah dan Sarawak yang tinggal di Semenanjung. Namun begitu, MAIS masih tetap berpandangan bahawa pendekatan sebegini adalah bersifat politik dan perlu diperbetulkan dari semasa ke semasa.

*Polemik 4 : Adakah kerajaan yang memerintah berhak untuk mlarang gerakan Kristian menterjemah kalimah God kepada Allah?*

Isu ini timbul ketika gerakan Kristian berusaha menyebarluaskan penerbitan yang menggunakan nama Allah di Semenanjung Malaysia. Kerajaan berhak menggunakan kuasa yang ada untuk menangani hal ini mengikut peruntukan perlombagaan dan ia juga dibenarkan oleh hukum Islam. Peruntukan kuasa dalam perkara ini sememangnya diakui oleh Islam. Islam membenarkan tindakan pencegahan sekiranya didapati dalam kajian yang teliti terdapat unsur mudarat melebihi manfaat yang bakal diraih.

Ketetapan ini boleh disandarkan pada beberapa kaedah fiqh seperti “Setiap kemudaran itu perlu dihilangkan” dan “Kemudaran perlu ditangkis sedaya mungkin”. Segi aspek perundangan, Perlembagaan Persekutuan dan Enakmen-Enakmen di negeri-negeri membolehkan kerajaan bertindak tegas.

*Polemik 5 : Adakah nama Allah yang terdapat dalam lagu rasmi negeri dan logo pasukan keselamatan perlu diubah kerana ia turut dinyanyikan dan digunakan oleh orang bukan Islam?*

Ini adalah satu saranan yang berunsur politik dan percubaan memanipulasi tindakan LARANGAN orang bukan Islam menggunakan nama Allah. Jika ditanya kepada orang bukan Islam, mereka tahu Allah adalah tuhan bagi umat Islam dan mereka berasa tidak selesa menyebutnya. Tetapi mereka perlu akur menyebutnya dalam lagu rasmi negeri kerana mereka adalah rakyat yang bernaung di negeri tersebut. Begitu juga pada isu logo pasukan keselamatan yang terdapat padanya nama Allah. Orang bukan Islam wajib memakainya kerana mereka telah memilih untuk berada dalam pasukan tersebut. Penciptaan lagu dan logo tersebut mempunyai sejarah, rasional dan matlamat yang tersendiri.

Penyebutan nama suci Allah oleh orang bukan Islam dalam konteks agama Islam adalah dibenarkan, yang dilarang adalah menggunakan nama Allah dalam konteks agama mereka. Manakala nama Allah dalam lagu negeri-negeri pula adalah dalam konteks agama Islam yang merupakan Agama Negeri dan agama Sultan/Raja. Dalam konteks ini, masyarakat bukan Islam juga wajib memelihara kesucian nama Allah menurut prinsip Agama Negeri serta Agama Negara dan bukannya menurut agama mereka.

### Polemik Kebebasan Beragama

*Polemik 1 : Adakah benar dakwaan pihak Geraja Katolik bahawa mereka berhak menggunakan kalimah Allah dalam Bible bahasa Melayu?*

Dakwaan mereka itu tidak benar sama sekali berdasarkan hujah berikut:

- a. Nama Allah adalah kata nama khas berasal daripada bahasa al-Qur'an dan tidak boleh digunakan dalam bentuk atau makna lain apatah lagi diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu.
- b. Nama Allah tidak boleh dianggap sebagai terjemahan kalimah tuhan dalam Bahasa Melayu kerana lafaz dan makna Allah seperti yang diimani dalam akidah Islam berbeza dengan pegangan Kristian.
- c. Bukti sejarah menunjukkan bahawa kedatangan mubaligh Kristian dan misi kedatangan penjajah ke Tanah Melayu adalah untuk mengaut hasil bumi, menyebarkan agama dan melakukan usaha pengembangan dengan penyebaran propaganda Kristian. Percetakan terjemahan Bible adalah dakyah dan mereka menyusup dalam penerbitan bahan bercetak dengan memasukkan dakyah mereka.
- d. Bahasa dijadikan alat eksloitasi untuk pengembangan dakyah Kristian.
- e. Penggunaan kalimah "Allah" oleh penganut Kristian di Asia Barat sememangnya berdasarkan faktor teologi dan budaya mereka. Keturunan terdahulu masyarakat Asia Barat banyak

menerima Nabi dan Rasul. Namun begitu, Islam telah datang untuk memurnikan dan menyucikan semula fahaman agama terdahulu.

- f. Penterjemahan “*God*” ke dalam apa-apa bahasa di dunia ini perlu mengambil kira kesesuaian penggunaan bahasa masyarakat setempat. Oleh itu, segi semantik dan rumpun bahasa setempat, tidaklah sesuai “*God*” diterjemahkan dengan nama “Allah”.
- g. Konsep “Allah” dalam Islam adalah amat konsisten dan tidak perlu diterjemahkan ke dalam bahasa lain. Mereka sepatutnya menggunakan lafadz dari kitab asal mereka yang berbahasa Ibrani yang menggunakan lafadz “Elohim”. Jika “Allah” dan Elohim itu merujuk pada hakikat yang sama, kenapa konsepnya berbeza? Islam menegaskan Allah itu Maha Esa sebaliknya konsep Kristian Gereja Katolik berpegang pada konsep triniti.
- h. Penterjemahan yang lebih tepat seperti “Tuhan” sepatutnya digunakan oleh Gereja Katolik dan tidak sewajarnya “meminjam” nama suci Allah bagi mengelak kekeliruan dalam agama mereka yang akibatnya boleh mencetuskan rasa tidak puas hati antara agama.

*Polemik 2 : Kenapa di Indonesia golongan Kristian menggunakan kalimah Allah dan tidak menggunakan kalimah “God” atau tuhan sedangkan mereka memiliki penduduk Islam yang teramai di dunia?*

Atas dasar hak asasi manusia, maka telah berlaku kecelaruan di Indonesia. Tidak ada beza lagi antara istilah yang diguna

pakai oleh orang Islam dan Kristian. Gerakan Kristianisasi mereka telah berjaya di Indonesia dan kini ia mula menyusup masuk ke Malaysia. Fahaman kesamarataan antara agama dan pluralisme agama turut menyumbang dalam gerakan ini. Gerakan Kristianisasi menterjemahkan Bible ke dalam bahasa Indonesia dan menggantikan kalimah *God* dengan kalimah Allah. Aliran pluralisme agama menerusi Pancasila dalam perlombagaan Indonesia telah membuka ruang pada keadaan ini. Di sana telah berlaku masalah kecelaruan seperti perempuan muslimah berkahwin dengan lelaki Kristian atau agama lain, masalah struktur keluarga yang caca marba dengan kepelbagaian agama dalam sebuah keluarga dan penggunaan secara terbuka dalam akhbar tentang kalimah-kalimah Islami pada penganut Kristian yang boleh mengundang kekeliruan. Mahukah kita suatu hari nanti hidup dalam kecelaruan dengan sedikit alasan manfaat yang kita nilai pada hari ini? Tidakkah kita mahu berfikir dan mengambil iktibar daripada apa yang telah berlaku di Indonesia?

*Polemik 3 : Kenapa perlu menghalang orang bukan Islam daripada menggunakan nama Allah sedangkan Islam sendiri menjaga kebebasan beragama bagi masyarakat bukan Islam?*

Isu penggunaan nama Allah ini bukan hanya isu perebutan nama dan istilah. Ia adalah isu akidah dan kepentingan *maqasid* di sebalik nama itu. Tiada halangan jika masyarakat bukan Islam mahu menisbahkan Allah kepada Tuhan dalam maksud yang sebenar yang diimani oleh umat Islam. Apa yang menjadi larangan ialah penggunaan nama Allah dalam ajaran agama mereka yang mensyirikkan Allah sebagai Roh Kudus dan Jesus atau sebaliknya atas sebab triniti yang mereka anuti.

Penggunaan nama Allah adalah hak umat Islam dan bukan hak orang bukan Islam. Umat Islam mempunyai hak dan bertanggungjawab untuk mempertahankannya. Masyarakat bukan Islam sepatutnya menghormati hak umat Islam ini dan menjaga sensitivitinya. Hak kebebasan beragama tidak boleh ditafsirkan terlalu luas hingga ke tahap menyentuh sensitiviti. Hak kebebasan itu perlu dilaksanakan dalam suasana aman dan harmoni.

*Polemik 4 : Kenapa orang Kristian menuntut penggunaan kalimah Allah dalam Bible Bahasa Melayu?*

Mereka tiada hujah ilmiah yang konkret atas tuntutan ini melainkan hujah kebebasan beragama namun pada hakikatnya niat dan tujuan mereka adalah untuk penyebaran Kristian di kalangan orang Melayu. Usaha mereka ini dilihat sebagai satu propaganda dan agenda muslihat untuk menjayakan gerakan Kristianisasi. Kenapa perlu mereka menterjemahkan kalimah *God* kepada Allah? Sepatutnya mereka menterjemahkannya pada kalimah “Tuhan”. Ini kerana nama Allah adalah nama khas yang mempunyai maksud yang jauh berbeza dalam akidah Islam berbanding dengan apa yang mereka anuti. Hujah tuntutan Kristian boleh disangkal dengan perkara berikut:

- a. Nama Allah tidak digunakan dalam Bible versi asli yang diturunkan dalam bahasa Ibrani (bahasa kaum Yahudi). Sebaliknya Yahweh digunakan bagi merujuk tuhan.
- b. *God* dalam fahaman Kristian adalah bersifat triniti atau *taslis* yang jelas berbeza dengan nama Allah Yang Maha Mulia dan bebas daripada unsur syirik.

- c. Jika dakwaan Kristian bahawa mereka dari fahaman Protestan, mereka juga tidak boleh menggunakan nama Allah sebagai terjemahan pada kalimah “God” walaupun mereka mengatakan bahawa mereka percaya pada tuhan yang satu berbeza dengan Katolik yang mendukung triniti. Perbezaan pentakrifan dan pengiktirafan rasul pula akan menjadi perdebatan.
- d. Tuntutan Kristian hanya sekadar tuntutan pertukaran istilah. Penegasan umat Islam tentang kesucian nama Allah adalah atas dasar ia adalah pegangan dan akidah yang suci.
- e. Realiti di Malaysia, jumlah penganut Kristian hanya mewakili sekitar sembilan hingga sepuluh peratus sahaja. Tetapi tuntutan mereka seolah-olah mereka adalah kelompok majoriti. Sewajarnya mereka mendahulukan majoriti. Apakah agenda mereka?
- f. Nama Allah adalah hak eksklusif Allah sebagaimana Dia telah menetapkan dalam firmanNya yang bermaksud:

*“Katakanlah (wahai Muhammad): (Tuhanku) ialah Allah Yang Maha Esa; Allah yang menjadi tumpuan sekalian makhluk untuk memohon sebarang hajat; Ia tiada beranak, dan Ia pula tidak diperanakkan; Dan tidak ada sesiapapun yang serupa denganNya.”*

(Surah Al-Ikhlas; 112: 1-4)

Pentakrifan eksklusif ini menyangkal pegangan berikut:

- ☛ Yahudi menyatakan kami bertuhankan Allah tetapi dia ada anak bernama ‘Uzair.

- ◆ Kristian menyatakan kami bertuhankan Allah tetapi dia ada anak iaitu ‘Isa al-Masih (Jesus).
- ◆ Musyrikin Makkah juga menyatakan kami bertuhankan Allah tetapi dia turut ada sekutu iaitu Al-Lata dan Al-‘Uzza.

Hakikatnya mereka hanya berkhayal tentang tuhan mereka dan cuba meminjam unsur-unsur akidah suci Islam untuk menjustifikasi kesesatan dan pendustaan mereka. Dengan penegasan yang mantap daripada umat Islam bakal mencetuskan kesedaran dan keinsafan di kalangan penganut agama-agama yang sesat itu.

*Polemik 5 : Adakah benar dakwaan Gereja Katolik bahawa kerajaan tidak mempunyai hak untuk campur tangan dalam urusan dalaman gereja berdasarkan hak yang diberi oleh Perkara 11 (3) Perlembagaan Persekutuan?*

Alasan ini tidak benar sama sekali. Perkara 11(4) Perlembagaan Persekutuan telah memberi hak kepada kerajaan untuk mengawal atau menyekat pengembangan apa-apa iktikad atau kepercayaan agama antara orang-orang yang menganuti agama Islam. Di bawah peruntukan ini kerajaan (sama ada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri) telah menggubal undang-undang mengawal dan menyekat pengembangan agama-agama bukan Islam terhadap umat Islam seperti yang dinyatakan dalam Bab 3.

Hak untuk menguruskan hal-ehwal dalaman agama Kristian tidak boleh sama sekali menyentuh kesucian agama lain terutama sekali agama Islam sebagai Agama Negara. Tindakan menyalahgunakan nama suci Allah boleh mencetuskan kemarahan umat Islam dan

amalan sedemikian boleh mencetuskan suasana tidak aman dan harmoni. Keadaan ini bercanggah dengan Perkara 3(1) dan Perkara 11(5) Perlembagaan Persekutuan.

## Bab 5

### Pandangan Sebenar Kristian Terhadap Nama Allah

**B**ab ini memaparkan pandangan sebenar agama dan penganut Kristian terhadap nama Allah berdasarkan pada pendapat tokoh-tokoh agama, bekas paderi, hasil penulisan dan amalan kebiasaan mereka.

#### **Perkataan Allah Tidak Digunakan Di Dalam Taurat**

Perkataan Allah tidak pernah terdapat di dalam bahasa asal Perjanjian Lama yang dikenali sebagai Taurat dan Perjanjian Baru yang dikenali sebagai Bible. Ini adalah kerana Perjanjian Lama ditulis dalam bahasa Hebrew manakala Perjanjian Baru pula ditulis dalam bahasa Greek. Perkataan Hebrew yang membawa maksud Tuhan ialah El, Elohim dan juga Yhwh. Manakala di dalam bahasa Greek pula istilah Theos digunakan untuk membawa maksud tuhan.

#### **Tuhan Yahweh**

Nama Tuhan bagi penganut Kristian dalam bahasa Hebrew iaitu bahasa asal *Old Testament* adalah YHVH atau YHWH tanpa

ada huruf vokal. Sebahagian cendekiawan Kristian yang awal menetapkan sebutannya sebagai Yahweh.

### Elohim Digunakan Dalam Pelbagai Bahasa

Tuhan sembahyang orang Kristian berasaskan bahasa asli perjanjian lama iaitu Ibrani (bahasa digunakan orang Yahudi) ialah Elohim. Berasaskan terjemahan paling awal ke bahasa Arab iaitu Inskripsi Zabad pada tahun 512, kata yang tepat bagi menggantikan Elohim ialah Ilah bukan Allah.

Perkataan Elohim diterjemahkan dalam pelbagai bahasa berasaskan suku kaum anutan umat Kristian. Contohnya seperti yang berikut:

- ☛ Kristian Maluku: Tete Manis
- ☛ Kristian Dayak: Jubata
- ☛ Kristian Filipina: Diyos
- ☛ Kristian Bali: Sang Hyang Widi
- ☛ Kristian Amerika Syarikat: God
- ☛ Kristian Yunani: Theos

Ada juga sebahagian daripada pengikut agama Kristian menyebut Tuhan mereka sebagai Jehovah, HaShem, Eloah dan sebagainya.

### Pendapat Tokoh-Tokoh Kristian

1. Dave Armstrong tokoh dari Gereja Roman Katolik menyatakan di dalam artikelnya yang bertajuk “*Does the Catholic Church Equate Allah and Yahweh?*”:

*“Hakikatnya, tidak mungkin untuk menyamakan Allah dan Yahweh kerana kita beriman kepada Tuhan yang terdiri daripada tiga kesatuan dan Muslim (dan Yahudi) tidak demikian.”*

2. Sam Shamou seorang mubaligh Kristian telah menulis sebuah artikel bertajuk “*Allah of Islam, Is He Yahweh God of the Bible?*” untuk menyangkal dakwaan Syeikh Jalal Abualrub bahawa Allah adalah tuhan dalam Al Kitab dalam bukunya, *The Prophet of Mercy*.
3. Rob Phillips iaitu Pengarah Komunikasi Missouri Baptist Convention dan mubaligh Gereja Baptis melalui artikelnya bertajuk “*Yahweh (the God of the Bible) vs Allah (the God of the Koran)*” menyatakan bahawa Allah bukanlah Tuhan yang dinyatakan dalam Al Kitab.
4. Dr. R. Albert Mohler Jr. iaitu Presiden *The Southern Baptist Theological Seminary* mempertikaikan saranan penganut Kristian menggunakan nama Allah kerana:
  - ☛ *Berisiko menimbulkan masalah besar kepada penganut Islam dan Kristian.*
  - ☛ *AlQur'an secara jelas menegaskan Allah tidak mempunyai anak dan menolak prinsip triniti yang dibawa oleh Kristian.*
  - ☛ *Upacara pembaptisan dimulakan dengan ayat "in the name of the Father and of the son and of the Holy Spirit".*
5. Jahja Iskandar seorang paderi Indonesia melalui bukunya “*Mengapa Nama Yahweh Semakin Popular*” menyatakan bahawa kalimah Allah adalah khas untuk umat Islam.
6. Presiden *Liga Katolik Bagi Hak Agama dan Sivil* telah

membantah saranan Tiny Muskens iaitu paderi Roman Katolik di Belanda dalam kenyataannya, “*Bishop Martinus Tiny Muskens can pray to ‘Allah’ all he wants, but only addlepated Catholics will follow his lead. It is not a good sign when members of the Catholic hierarchy indulge in a fawning exchange with Muslims, or those of any other religion*”.

Pengerusi *General Synod of the Dutch Protestant Church*, Gerrit de Fijter juga menolak cadangan Muskens supaya pengikut Kristian menggunakan kalimah “Allah”, beliau berkata, “*I applaud every attempt to encourage dialogue with Muslims, but I doubt the sense of this maneuver*”.

7. Izzat Andrews, seorang pengikut Kristian Koptik di Mesir telah menulis sebuah artikel berbahasa Arab berjudul “*Allah Bukan Tuhan Agama Kristian dan Yahudi*”. Beliau mengatakan bahawa kalimah “Allah” hanya berasal daripada penggunaan orang jahiliah yang merujuk kepada Tuhan Bulan. Ia tidak pernah termaktub dalam kitab-kitab Yahudi mahupun Nasrani. Tuhan bagi agama Kristian ialah Elohim.

### **Penggunaan Kalimah Allah Dalam Bible Bahasa Arab**

Kebanyakan pengikut Kristian berbangsa Arab yang memakai kalimah Allah dalam kitab Bible berbahasa Arab dipanggil *Kitabul Muqaddas* adalah Kristian Unitarian. Mereka percaya Allah adalah Esa. Sebaliknya, pengikut Kristian di Malaysia adalah *Trinitarian* iaitu percaya pada konsep tiga dalam satu. Golongan Kristian Trinitian mengkafirkan golongan Kristian Unitarian.

Malaysia dan negara Arab juga mempunyai perbezaan segi ‘uruf’ atau keadaan setempat. Bagi masyarakat Arab, mereka memahami segi istilah bahasa bahawa Allah adalah tuhan. Justeru, sebahagian

daripada mereka yang menyekutukan Allah dengan menyembah berhala digelar sebagai golongan musyrikin yang membawa makna orang-orang yang mensyirikkan Allah.

Penganut agama Kristian di Malaysia pula menggunakan kalimah *God* apabila merujuk kepada tuhan dalam upacara keagamaan, penerbitan dan aktiviti gereja dan menggunakan kalimah Jesus apabila merujuk kepada Nabi Isa AS.

### **Ajaran Kristian Di Malaysia Berkonsepkan Triniti**

Sekiranya penganut agama Kristian di Malaysia mahu menggunakan nama Allah, maka ia jelas bertentangan dengan konsep triniti yang didukung oleh mereka sendiri. Mereka seolah-olah menerima akidah bahawa Allah adalah Esa. Realitinya di Malaysia nama Allah bukanlah satu kalimah tetapi telah diterima pakai sebagai satu nama khas.

### **Penggunaan Kalimah “Allah” Oleh Ajaran Kristian di Sabah dan Sarawak**

Amalan ajaran Kristian Roman Katolik khususnya di Sabah dan Sarawak menggunakan ganti nama “Allah” pada perkataan *God*. Tetapi seperti yang disebutkan di atas, pegangan mereka adalah berkONSEPkan triniti yang berbeza dengan akidah umat Islam.

Di sini dibawakan beberapa amalan Kristian yang membuktikan penggunaan ganti nama “Allah” amat tidak sesuai digantikan dengan nama suci Allah. Penyalahgunaan ini perlu dielakkan kerana amat jelas perbezaannya dan mencemarkan kemuliaan nama Allah.

1. “Atas nama Bapa, Putera dan Roh Kudus”

Menurut kepercayaan orang Kristian, awal-awal mengenal diri ialah mengenal “Allah Bapa”, “Allah Putera” dan “Allah Roh Kudus”. Amalan orang Kristian sentiasa memohon keberkatan daripada ketiga-tiga oknum ini.

2. Lafaz dalam upacara baptis oleh mubaligh Kristian: “*Saya membaptiskan kamu dengan atas nama Allah Bapa, dengan atas nama Allah Putera dan dengan atas nama Allah Ruh Kudus.*” Maka akan di “amen”kan oleh seorang saksi.

Ini adalah satu kewajipan bagi penganut Kristian contohnya orang-orang yang hendak memeluk agama Kristian atau anak-anak orang Kristian yang baru dilahirkan, mereka ini wajib dibaptiskan oleh seorang mubaligh Kristian.

3. “*Kerana tuhan kami Jesus Christ puteramu yang hidup dan berdaulat bersama dengan dikau dalam persatuan roh kudus Allah sepanjang segala masa.*”

“Allah Putera” dikenali oleh orang Kristian sebagai Tuhan Jesus. Oleh itu, setiap orang Kristian apabila melakukan ibadah atau apa sahaja yang berkaitan dengan ajaran Kristian wajib melafazkan kata-kata ini.

4. Setiap kali orang Kristian berdoa, “*Bapa kami yang ada di dalam syurga, dimuliakanlah namamu, datangkanlah kerajaanmu, jadilahkehendakmu di atas bumi seperti di dalam syurga, berilah kami rezeki pada hari ini dan ampunkanlah segala dosa kami dan bebaskanlah kami dari yang jahat.*”

Kepercayaan orang Kristian terhadap “Allah Bapa”.

5. Orang Kristian apabila ditanya kepada mereka siapakah pencipta langit dan bumi, mereka akan menjawab Allah, dan

apabila ditanya kepada mereka siapakah Allah itu, mereka akan menjawab “*Allah itu adalah bapa mereka*”.

Orang Kristian juga selalu melafazkan:

“*Aku percaya akan Allah bapa yang maha kuasa pencipta langit dan bumi dan akan Jesus Christ puteranya yang tunggal tuhan kita.*”

Kepercayaan orang Kristian terhadap “Allah Bapa” dan “Allah Putera”.

6. “*Dikandung dari roh kudus dilahirkan oleh Santa Perawan Maria.*”

Satu kepercayaan yang wajib bagi setiap orang Kristian Roman Katolik terhadap Maryam sebagai ibu kepada tuhan Jesus. Mereka juga turut berdoa : “*Salam Maria penuh rahmat tuhan sertamu, terpujilah engkau di antara wanita dan terpujilah buah tubuhmu Jesus, Santa Maria ‘bonda Allah’ doakanlah kami yang berdosa ini sekarang dan waktu kami mati.*”

7. “*Yang menderita sengsara dalam pemerintahan Pilatus disalibkan dan dimakamkan.*”

Kepercayaan orang Kristian bahawa dosa pusaka tidak akan diampun oleh Alah bapa melainkan dengan pengorbanan “Allah Putera” melalui pensalibannya. Maka dengan demikian dosa pusaka atau dosa warisan Adam dapat dihapuskan.

8. “*Bangkit di antara orang mati dan naik ke syurga duduk di sebelah kanan Allah Bapa yang maha kuasa.*”

Kepercayaan orang Kristian bahawa Alah putera telah dibangkitkan semula oleh “Allah Bapa” selama tiga hari dari

dalam kubur dan terus naik dan duduk di sebelah kanan “Allah Bapa”.

9. *“Dari situ ia akan datang mengadili orang yang hidup dan yang mati.”*

Kepercayaan orang Kristian bahawa “Allah Putera” atau “Tuhan Jesus” akan turun pada hari Kiamat menjadi hakim untuk memutuskan perkara-perkara orang-orang yang hidup dan yang mati.

10. Pertimbangan Jawatankuasa dalam melarang penggunaan kalimah Allah oleh agama bukan Islam bukan hanya dilihat dari aspek keselamatan, tetapi faktor utama adalah berdasarkan akidah dan kesucian agama Islam.
11. Dalam keadaan di mana agama dan umat Islam dihimpit dengan pelbagai gerakan yang cuba menghakis kedaulatan Islam sebagai Agama Negara, umat Islam perlu bersatu dan menunjukkan ketegasan dalam menjaga maruah agama.

## Bab 6

### Kesan Jika Nama Allah Dibenar Untuk Digunakan Oleh Orang Bukan Islam

Bab 6 ini akan menyentuh mengenai kesan jika nama Allah dibenar untuk digunakan oleh orang bukan Islam. Tujuan bab ini adalah untuk mengajak pembaca berfikir dengan jiwa yang tulus dan hati yang terbuka tentang kesan serta impak dari isu ini. Harapannya ialah agar pembaca mendapat kefahaman dan kekuatan untuk mengukuhkan jati diri dan memperhebat usaha dakwah kepada masyarakat bukan Islam agar memahami Islam.

#### Realiti Umat Islam Dalam Menghadapi Isu Ini

Umat Islam di Malaysia perlu sedar terhadap realiti yang sedang berlaku kini yang akan memburukkan lagi keadaan untuk menangani isu penggunaan nama Allah oleh orang bukan Islam. Antara realiti yang perlu disedari ialah:

- ❖ Perpecahan
- ❖ Kesangsian
- ❖ Pencelaruuan

- ☛ Bangkangan
- ☛ Manipulasi
- ☛ Krisis kepatuhan
- ☛ Hipokrasi
- ☛ Ketaasuban
- ☛ Zon selesa
- ☛ Penyalahgunaan
- ☛ Minda cetek
- ☛ Populariti
- ☛ Krisis maklumat
- ☛ Ketidadaan penyatu umat

Faktor yang mempengaruhi situasi realiti di atas adalah seperti berikut:

- ☛ Iman/akhlak
- ☛ Ilmu
- ☛ Pengamatan
- ☛ Kualiti pemikiran
- ☛ Kepentingan diri
- ☛ Tokoh pengaruh
- ☛ Kepelbagaian media

- ❖ Hasutan
- ❖ Biah
- ❖ Pemimpin
- ❖ Pengisian jiwa
- ❖ Persekutaran
- ❖ Kecenderungan politik

Justeru, kesedaran umat terhadap realiti ini penting untuk menentukan tahap kesan yang mungkin berlaku sekiranya nama Allah dibenar untuk digunakan oleh orang bukan Islam.

### **Kesan Penggunaan Nama Allah Oleh Orang Bukan Islam**

Berikut adalah jangkaan senario terburuk kesan yang mungkin berlaku berdasarkan pembahagian kategori umat Islam dan orang bukan Islam. Jangkaan ini adalah bersandarkan muhasabah langsung terhadap situasi yang berlaku di seluruh dunia dan pengajaran dari apa yang telah berlaku:

1. Kesan terhadap umat Islam
  - a. Agama
    - i. Menjejaskan akidah dan pemikiran umat Islam
    - ii. Melenturkan jati diri dan *'izzah* dalam beragama sekaligus merapuhkan pegangan akidah bagi masyarakat awam

- iii. Menimbulkan kekeliruan dan pemahaman khususnya bagi kelompok kanak-kanak dan mereka yang baru mengenali Islam
  - iv. Menyemarakkan lagi fahaman negatif yang sudah ada di dalam masyarakat seperti fahaman pluralisme dan liberalisme
  - v. Mendedahkan agama pada gerakan propaganda ke arah menjatuhkan syiar Islam
  - vi. Mengurangkan rasa beragama dan ‘bertuhan’ dalam diri umat Islam akibat kecelaruan istilah agama dalam masyarakat serta membuka peluang ke arah jenayah syirik dan kufur
  - vii. Meningkatkan kes Kristianisasi dan murtad
- b. Sosial
- i. Menimbulkan rasa kurang senang dan suasana tidak sihat dalam hubungan antara agama
  - ii. Mengancam keselamatan, keamanan dan keharmonian apabila wujud kumpulan yang taasub pada pendapat masing-masing
  - iii. Melahirkan kecelaruan di media cetak dan elektronik tentang penggunaan nama Allah
  - iv. Mewujudkan manipulasi media yang menggalakkan berlakunya fitnah dan salah faham berkaitan perkara agama

- v. Menimbulkan impak kecelaruan iaitu nama Allah boleh dipermain-mainkan dengan sewenang-wenangnya
  - vi. Mencemarkan identiti, integriti dan pengenalan diri individu berdasarkan agama
- c. Politik
- i. Menghakis kekuatan jaminan Perlembagaan Persekutuan bahawa Islam adalah Agama Persekutuan apabila batas perbezaan Islam dan bukan Islam dalam penggunaan nama Allah telah mula dirobohkan
  - ii. Menjadi kes asas atau *precedence* untuk tuntutan lain oleh gerakan bukan Islam untuk melemahkan kekuatan Islam di Malaysia
  - iii. Mengurangkan bidang kuasa pemerintah persekutuan dan negeri dalam hal-ehwal Islam
  - iv. Membuka peluang kepada pihak yang memanipulasi, oportunistis dan pihak yang menangguk di air keruh untuk kepentingan singkat dan politik sempit mereka
  - v. Menyemarakkan semangat pejuang-pejuang tuntutan kebebasan hak asasi untuk mengambil peluang
  - vi. Membuka peluang dalam jangka masa panjang untuk perancangan licik ‘menjatuhkan’ Islam dari statusnya sebagai Agama Persekutuan

- d. Budaya
  - i. Mewujudkan persaingan sihat dan tidak sihat antara umat Islam dan orang bukan Islam untuk mengetengahkan hujah dan memperjuangkan akidah masing-masing
  - ii. Mengubah cara berfikir masyarakat Malaysia dalam mengendali hal dan maklumat agama
  - iii. Mewujudkan satu situasi zon selesa dan kurang sensitiviti tentang hal-ehwal agama
  - iv. Mengubah amalan tuntutan agama menjadi amalan budaya yang dibuat tanpa memahami bahawa ia sebenarnya adalah tuntutan agama
2. Kesan terhadap orang bukan Islam
  - a. Agama
    - i. Menimbulkan kesan positif untuk menarik mereka mendekati Islam tetapi lebih banyak faktor negatif berbanding positif
    - ii. Mengukuhkan kekuatan tipu helah mereka untuk menyesatkan orang Islam daripada akidah sebenar kepada Allah kononnya mereka juga beriman kepada Allah
    - iii. Membuka peluang kepada mereka menggunakan nama Allah dalam maksud agama mereka yang jelas menyekutukan Allah berbanding situasi sebelumnya di mana mereka menggunakan kalimah “God”

- iv. Mempercepatkan agenda pluralisme agama
- b. Sosial
  - i. Menyebarluaskan penggunaan nama Allah dalam amalan sehari-hari oleh orang bukan Islam seperti lafaz “*Insya Allah*” yang gagal ditanam maksud dakwah kepada Islam oleh orang Islam sebab ia sudah menjadi kelaziman
  - ii. Membuka ruang kesilapan maksud dan tujuan lafaz tertentu apabila dilafazkan oleh orang bukan Islam
  - iii. Menjatuhkan kehormatan dan kesucian nama Allah apabila digunakan di tempat yang tidak sesuai seperti untuk tujuan maksiat dan hal keagamaan mereka
  - iv. Membolehkan kahwin campur kononnya dilangsungkan atas nama Allah
- c. Politik
  - i. Memanfaatkan dan memanipulasikan sikap “apologetik” dan terlalu terbuka umat Islam untuk diterjemah dalam aspek manipulasi politik
  - ii. Meningkatkan peluang dan usaha kelompok oportunistis dan gerakan dakyah untuk mengukuhkan kuasa mereka dan dalam masa yang sama menghapuskan “ketuanan” Islam
  - iii. Menonjolkan kekuatan mereka dengan keberanian mendesak dan ugutan berbanding menggunakan jalan diplomasi dan perbincangan



- iv. Membuka ruang campur tangan dalam hal-ehwal Islam kononnya atas nama Allah
- d. Budaya
  - i. Merupakan satu peluang kepada umat Islam menerapkan ajaran Islam dalam bentuk budaya kepada orang bukan Islam tetapi tanpa perancangan teliti perkara ini boleh menjadi ancaman bahaya kepada umat Islam
  - ii. Membuka peluang kepada mereka untuk melunturkan amalan budaya setempat yang telah serasi dan sinonim dengan kehendak Islam
  - iii. Mencampuradukkan budaya negatif mereka seperti *ultra kiasu* yang akan melenyapkan amalan budaya yang bercirikan Islam
  - iv. Menjejaskan amalan budaya Islam apabila dikatakan amalan agama mereka juga adalah ajaran Allah

**Renungan Muhasabah Kesan Penggunaan Nama Allah  
Oleh Orang Bukan Islam**



**Koleksi Gambar**







## Koleksi Contoh Penerbitan



**8 RENCANA ALLAH UNTUK  
MENYELAMATKAN KITA DARI DOSA IALAH  
DENGAN MENGUTUS ANAKNYA YANG  
TUNGGAL**



Untuk dapat menjadi umat manusia, Anak Allah harus datang dengan mengenakan tubuh manusia.

"Ia akan melahirkan anak laki-laki dan engkau akan menamakan Dia Yesus, karena Dia adalah yang akan menyelamatkan umatNya dari dosa mereka."

—Matius 1:21

"Sebab dalam Dialah [Yesus Kristus] berdiam secara jasmaniah seluruh kepenuhan keAllahan."

—Kolose 2:9

**YESUS ADALAH ALLAH—  
DALAM BENTUK MANUSIA**

9

"Pada mulanya adalah Firman; Firman itu bersama-sama dengan Allah dan Firman itu adalah Allah.... Firman itu telah menjadi manusia, dan diam di antara kita..."


—Yohanes 1:1, 14

"Hal itu terjadi supaya genaplah yang difirmankan Tuhan... 'Anak dara itu akan mengandung dan melahirkan seorang anak laki-laki dan mereka akan menamakan Dia Imanuel'—yang berarti: Allah menyertai kita."

—Matius 1:22, 23

"Sebab seorang anak telah lahir untuk kita, seorang putera telah diberikan untuk kita;... dan namanya disebutkan orang: Penasihat Ajaib, Allah yang Perkasa, Bapa yang Kekal, Raja Damai."

—Yesaya 9:5

**Koleksi Contoh Bahan Penerbitan Untuk Kanak-Kanak**

### **Contoh Lagu Yang Menggunakan Nama Allah**

#### **Lirik Lagu : *Allah Peduli* – Agnes Monica**

Banyak perkara yang tak dapat  
ku mengerti  
Mengapakah harus terjadi  
Di dalam kehidupan ini  
Suatu perkara yang  
ku simpan dalam hati  
Tiada satupun kan terjadi  
tanpa Allah peduli

Allah mengerti  
Allah peduli  
Segala persoalan yang kita hadapi  
Tak akan pernah dibiarkannya  
ku bergumul sendiri  
Sebab Allah mengerti

Allah mengerti  
Allah peduli  
Segala persoalan yang kita hadapi  
Tak akan pernah dibiarkannya  
ku bergumul sendiri  
Sebab Allah Yesus ku  
mengerti

**Contoh Lagu Yang Menyentuh Sensitiviti Islam Sebagai Agama Persekutuan****Lirik Lagu *Harapan Bangsa* - Jaclyn Victor**

Bapa engkaulah harapan negara ini  
Kaulah satu-satunya harapan di bumi Malaysia  
Yesus engkaulah harapan segala bangsa  
Nyatakan lah kebenaran mu

Korus:

Setiap suku setiap kaum dan setiap bangsa  
Kan menyembah di tahta mu  
Dan nyatakan bahwa yesus lah tuhanku  
Ku dengar suara aliran sungaimu  
Membanjiri hati umat mu di Malaysia  
Kami sangat rindu  
Kau kan pulihkan Malaysia

Harapanku

Tuhan pulihkan negaraku Malaysia  
Kaulah satu-satunya harapan segala bangsa  
Beri pengharapan kepada yang terhilang  
Bebaskan semua pemulihan mu

Malaysia arah tujuanmu kan berubah  
Engkau tidak akan sama lagi  
Engkau akan melihat perubahan nyata  
Setiap bangsa kan mengalami pemulihan pemulihan

## Bab 7

### Apa Pegangan Yang Sepatutnya Diambil Oleh Umat Islam?



ab ini merupakan bab terpenting dalam menentukan kesatuan pegangan umat Islam dalam menghadapi isu ini.

#### Muhasabah Diri

Sebelum meletakkan apakah pegangan yang sepatutnya diambil, kita sebagai umat Islam perlu muhasabah diri dan melihat realiti umat dalam menghadapi cabaran tuntutan penggunaan nama Allah oleh orang bukan Islam. Muhasabah boleh dilakukan berdasarkan turutan berikut:



## Kategori Tindakan Yang Boleh Diambil Berdasarkan Status Muhasabah Diri

Asas panduan di bawah ini boleh digunakan oleh setiap individu muslim untuk memulakan usaha islah diri ke arah penyatuan umat bagi mempertahankan kesucian nama Allah daripada dicerobohi agenda gerakan musuh:




Tujuan tindakan di atas ialah sebagai satu proses membugar sensitiviti diri untuk mencari kebenaran dan hala tuju sebenar sebagai seorang Muslim dalam mendepani ancaman gerakan musuh yang ingin mencemar ‘izzah Islam. Di samping itu, ia juga adalah mekanisme persediaan diri untuk menjadi individu Muslim yang bersifat *multi-appreciation*, *multi-thinking*, *multi-skilling* dan *multi-tasking* dalam menggerakkan serampang dua mata iaitu:

- a. Mencegah anasir yang menggugat Islam
- b. Menggerakkan dakwah untuk memperkasa Islam

Kedua-dua strategi ini wajib digerakkan sekaligus untuk mengendurkan serangan musuh Islam.

### Pilihan Tindakan Umat Islam Dalam Menangani Isu Ini

Umat Islam mempunyai pelbagai pilihan dalam menangani isu ini. Pilihannya adalah seperti berikut:



Setiap pilihan ini mempunyai kesan masing-masing dan perlu dinilai secara berhikmah. Kesatuan fikrah dan kesepaduan tindakan dituntut daripada umat Islam. Tinggalkanlah perbezaan pendapat, jauhilah sifat jumud dan hancurkanlah taasub serta sindrom pak turut demi isu yang melibatkan kepentingan umat Islam ini.

**Kesimpulan Pegangan Dan Pendirian**

1. Sedar dengan tuntutan *waqi'* Malaysia bahawa orang bukan Islam DILARANG menggunakan nama Allah. Setiap pihak dan ulama mempunyai hujah tersendiri atas faktor ketiadaan dalil nas yang melarang secara *qat'ie*. Muzakarah Fatwa Kebangsaan dan Jabatan Mufti negeri telah mengambil keputusan LARANGAN berdasarkan pandangan dan kapasiti amanah yang ada pada mereka.
2. Fahami tuntutan dari kesimpulan dalil-dalil nas yang telah dinyatakan dalam bab pertama mengenai larangan Allah daripada mensyirikkanNya dengan sesuatu apa pun. Siapa lagi yang hendak bertegas menjaga kesucian nama Allah kecuali hamba Allah yang memahami tuntutan dalam pegangan akidahnya.
3. Perkuatkan ikatan kesatuan umat atas agama Allah yang satu dan jauhilah perpecahan kerana ia adalah racun yang membunuh kekuatan umat.
4. Waspada dengan taktik, cubaan dan strategi gerakan musuh Islam yang sentiasa tidak redha dan berusaha untuk menghancurkan Islam selagi umat Islam tidak mengikut jejak langkah mereka.
5. Elakkan kepentingan tertentu dalam menangani isu ini. Lupakan segala-galanya demi kepentingan dan masa depan agama.
6. Pelihara keluhuran Perlembagaan Persekutuan yang telah mempasak Islam sebagai Agama Persekutuan. Orang bukan Islam tidak berhak untuk mencemari peruntukan ini.

7. Fikirlah dengan penuh hikmah dan dengan jiwa yang tulus untuk melihat kebenaran demi membentuk kekuatan umat sekaligus menggerunkan musuh dan menjinakkan hati *mad'u* yang ingin memahami Islam.

